



ملاك هاري اين

MELAKA HARIINI

MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA

**Masjid tertua di Melaka?**

Variasi

► MUKA 19

Scan dan layari isu semasa di  
www.melakahariini.my

Edisi 18 | 5 Oktober 2020 - 11 Oktober 2020 | 17 Safar 1442H - 23 Safar 1442H | PP 19464/D4/2019/ (035072) | Sejak 1982 | www.melakahariini.my |

f@ Melakahariini

NASKHAH PERCUMA

# PKNM KOMITED PERKASA EKONOMI MELAKA

MEMAINKAN peranan sebagai tulang belakang kepada pemacuan ekonomi Melaka, PKNM terus komited menerajui agenda pemerkasaan ekonomi negeri ini. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Azmi Hussain memberitahu beberapa perancangan telah dirangka dalam menjayakan agenda tersebut. Antara hasrat serta misi beliau merangkumi:

- ✓ Fokus pembangunan dan pertumbuhan ekonomi
  - ✓ Cadangan perluas kawasan jajaran M-WEZ
  - ✓ Pemerkasaan anak syarikat dipertingkatkan
- MUKA 6 & 7





# Hampir 200,000 pelajar terima bantuan pendidikan TAPEM

Faiz Hasan

LENDU - Pelbagai inisiatif akan diteruskan menerusi bantuan Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) bagi menjamin kebijakan institusi pendidikan di negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Dr. Sulaiman Md. Ali berkata, hampir RM300 juta peruntukan telah disalurkan kepada tabung itu sejak tahun 2000 bagi membantu anak kelahiran Melaka khususnya kalangan B40.

Katanya, pelbagai saluran bantuan dan biasiswa telah dimanfaatkan membabitkan pelbagai peringkat pendidikan termasuk sekolah, institusi pengajian tinggi mahupun tafhib dengan jumlah 197,301 orang penerima inisiatif terbabit.

"Pelbagai lagi inisiatif menerusi bantuan pendidikan TAPEM ditawarkan kepada anak Melaka seperti dermasiswa buat pelajar agar kita memastikan pendidikan ini adalah perkara yang perlu ditutut.

"Kerajaan negeri bersama agensi penyumbang yang lain tidak pernah terputus demi memastikan masa depan anak-anak diangkat ke arah melahirkan manusia berguna pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian dan Pelancaran Anugerah Sekolah & Pelajar Cemerlang UPSR, SPM, STPM, STAM Kerajaan Negeri Melaka 2020 Peringkat Parlimen Alor Gajah dan Masjid Tanah di Dewan Taming Sari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Alor Gajah, baru-baru ini.

Hadir sama Pengurus Jawatankuasa di Jabatan Ketua Menteri (Pendidikan) Datuk Noor Effandi Ahmad, Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan, barisan EXCO Kerajaan Negeri Melaka dan Pengarah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) Mustafa Musa.

Terdahulu, Sulaiman pada ucapannya berkata program yang diadakan itu mampu menyuntik semangat dan motivasi dalam mengekalkan momentum kecermerlangan pelajar di negeri ini.

Ujarnya, anugerah yang disampaikan itu sekali gus membentuk semangat pelajar di negeri ini dalam mengekalkan kecermerlangan kurikulum, kurikulum dan sahsiah.

"Dengan penganugerahan ini saya harap pelajar di negeri ini akan bersemangat menuntut ilmu bersungguh-sungguh dan menjadi sebagai 'role model' kepada pelajar lain.



**SULAIMAN** menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang UPSR 2019 kepada Tuan Azwa Farisah Tuan Mohd Faqrurrazi, 13, pada Majlis Perasmian dan Pelancaran Anugerah Sekolah & Pelajar Cemerlang UPSR, SPM, STPM, STAM Kerajaan Negeri Melaka 2020 Peringkat Parlimen Alor Gajah dan Masjid Tanah di Dewan Taming Sari, UiTM Kampus Alor Gajah, baru-baru ini.

"Anak-anak perlu bersedia bagi mencabar diri sendiri dan perlu berusaha agar cita-cita yang diazamkan dapat dipacu dengan baik.

"Para pelajar mahupun guru juga perlu bergerak seiring dengan kemajuan era terkini malah mereka perlu kreatif dan inovatif dalam mengejar ilmu pengetahuan ini,"

katanya.

Anugerah Sekolah & Pelajar Cemerlang UPSR, SPM, STPM, STAM Kerajaan Negeri Melaka 2020 telah menganugerahkan seramai 749 pelajar cemerlang peperiksaan pada tahun 2019 yang disenaraikan daripada setiap parlimen di negeri ini.

Dalam angka tersebut, seramai 213 pelajar cemerlang direkodkan di Parlimen Hang Tuah Jaya, 213 pelajar di Parlimen Kota Melaka, 81 pelajar di Parlimen Tangga Batu, 50 pelajar di Parlimen Masjid Tanah, 119 pelajar di Parlimen Alor Gajah dan 73 pelajar di Parlimen Jasin.

## Pelajar cemerlang terima anugerah

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SERAMAI 749 pelajar seluruh Melaka telah diangkat menerima Anugerah Pelajar Cemerlang Peringkat Negeri Melaka bagi tahun 2019.

Penganugerahan tersebut disampaikan dalam Majlis Perasmian dan Pelancaran Anugerah Sekolah dan Pelajar Cemerlang UPSR, SPM, STPM

dan STAM bagi tahun 2019 bertempat di Dewan Taming Sari, UiTM Melaka Kampus Alor Gajah baru-baru ini.

Majlis tersebut telah dirasmikan Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali.

Sulaiman dalam ucapannya berkata, daripada 749 pelajar cemerlang terbabit, 213 daripadanya mewakili Parlimen Hang

Tuah Jaya, 213 (Parlimen Kota Melaka), 81 (Parlimen Tangga Batu), 50 (Parlimen Masjid Tanah), 119 (Parlimen Alor Gajah) dan baki 73 pelajar mewakili Parlimen Jasin.

Menurutnya, penganugerahan itu melibatkan peruntukan keseluruhan RM134,150 hasil sumbangan beberapa agensi kerajaan negeri.

"Saya difahamkan majlis perasmian dan pelancaran ini melibatkan Parlimen Masjid Tanah dan Alor Gajah sahaja. Bagi parlimen-parlimen yang lain, akan diadakan pada sesi yang akan datang dan InsyaAllah, saya akan turut hadir di setiap parlimen bagi menyampaikan hadiah kepada pelajar dan sekolah cemerlang.

"Besar harapan Kerajaan Negeri Melaka agar dapat melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi seimbang perkembangannya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang meliputi kecermerlangan dunia dan ukhrawi menuju dasar Melaka Rumahku," katanya.

Selain penyampaian sijil Anugerah Pelajar Cemerlang, turut disampaikan replika cek biasiswa Kerajaan Negeri Melaka kepada pengetua-pengetua Sekolah Menengah Parlimen Alor Gajah dan Masjid Tanah.

Sementara itu, Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Senggeh, Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Selandar dan Sekolah Menengah Kebangsaan

(SMK) Selandar dipilih menerima Anugerah Sekolah Cemerlang Parlimen Alor Gajah.

Manakala, bagi Parlimen Masjid Tanah, Anu-

gerah Sekolah Cemerlang menjadi milik Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sin Min, SMK Ghafar Baba dan SMK Ade Putra.



**SULAIMAN** berkata sesuatu dengan salah seorang penerima anugerah pelajar cemerlang sambil disaksikan Mustafa (kiri) dan Ghafaar (dua kanan).



## Kereta lembu kembali ke Melaka?

**NOSTALGIA** kereta lembu bakal menggantikembali bumi Melaka selepas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bersetuju memperkenalkan kembali tarikan kereta lembu di Zoo Melaka.

Warisan tradisional berkenaan harus dijaga berikut ia pernah berjaya kepada masyarakat zaman silam dan perlu dikekalkan sebagai tradisi yang dikagumi.

Lihat berita penuh di muka surat 19



# TAPEM komited salur bantuan pendidikan

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

PENDIDIKAN menjadi antara terus utama dalam membentuk masa depan negara yang lebih gemilang di masa akan datang.

Namun atas faktor pandemik COVID-19 yang melanda dunia, sektor pendidikan negara menjadi antara yang terkesan dan sedikit terencat apabila sekolah-sekolah ditutup dan pelajar tidak dapat menjalani pengajian seperti norma kebiasaan.

Hal itu membuatkan ramai yang mula khawatir dan risau mengenai masa depan anak-anak bangsa terutama apabila memikirkan kesan kemerudungan ekonomi bukan sahaja kepada negara tetapi juga membabitkan isi rumah apabila ada yang kehilangan pekerjaan sepanjang tempoh ini.

Persoalan seperti, 'bagaimana anak saya mahu meneruskan pengajian' dan 'adakah bantuan masih disalurkan' menjadi antara yang sering dibangkitkan dewasa ini.

Namun, bagi negeri Melaka, aspek pendidikan terutama membabitkan pinjaman dan bantuan tidak seharusnya menjadi kerisauan ibu bapa.

Ini kerana wujudnya sebuah agensi yang diberi nama Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) yang bertanggungjawab untuk terus mengelola segala jenis bentuk tabung bantuan atau pinjaman pendidikan.

Sekjak ia mula ditubuhkan melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil 1/2000 yang bersidang pada 5 Januari 2000, TAPEM telah membantu ramai anak Melaka sejak dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi.

Bantuan itu disalurkan dengan pelbagai bentuk inisiatif seperti pinjaman pendidikan, biasiswa, bantuan persekolahan, dermasiswa dan bermacam-macam lagi.

## PRODUK TAPEM

Untuk tahun 2020, terdapat 11 produk atau jenis bantuan yang disediakan TAPEM khas untuk membantu anak-anak Melaka dalam pendidikan.

Berikut merupakan produk yang disediakan TAPEM:

1. Pembukaan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) kepada Anak Melaka - pembayaran one-off sebanyak RM50 seorang.
2. Bantuan Pelajar Sekolah Rendah - RM150 seorang (pakaian dan keperluan sekolah) kepada 3,000 pelajar setahun.
3. Biasiswa Melaka (Sekolah Menengah) - RM600 seorang setahun melibatkan 10 ke 12 pelajar setiap sekolah.
4. Pinjaman Wang Pengajian Tinggi.
5. Bantuan IPT (one-off) - RM300

(Diploma), RM400 (Ijazah/Sarjana/PhD), RM1,000 (Pelajar KUIM Muslim).

6. Dermasiswa Pelajar SPM Tahfiz Bestari KUIM - Maksimum RM6,000 seorang setahun (mengikut pendapatan keluarga).
7. Dermasiswa Pelajar Maahad Tahfiz - RM1,200 seorang setahun.
8. Dermasiswa Pelajar Sekolah Tinggi Agama Melaka (STAM) - RM1,000 seorang setahun.
9. Dermasiswa Pengajian Islam (DPI) dalam dan luar negara.
10. Majlis Anugerah Sekolah dan Pelajar Cemerlang Negeri Melaka - UPSR, PT3, SPM, STPM dan STAM.
11. Program Insentif Kerajaan Negeri Melaka 2020: TVET (one-off) dan Program Chargeman A0 Tajaan TNB



UNTUK tahun 2020, terdapat 11 produk atau jenis bantuan yang disediakan TAPEM khas untuk membantu anak-anak Melaka dalam pendidikan. (Gambar Fail)

Anugerah Pelajar Cemerlang Peringkat Parliment Alor Gajah dan Masjid Tanah di UiTM Lendu, baru-baru ini.

Menurutnya, pendidikan adalah suatu perkara yang ditutut dan Kerajaan Negeri tidak akan sesekali menghentikannya demi untuk mengangkat anak-anak ini ke arah ilmu yang berguna untuk masa depan.

Malah, noda sama turut ditegaskan Pengurus Besar TAPEM Mustafa Musa yang menyifatkan tanggungjawab untuk membantu pendidikan anak-anak Melaka tidak akan dipinggirkan dengan kesemuanya 11 produk kini masih diteruskan.

Malah katanya, menyedari pandemik COVID-19 memberi kesan yang mendalam kepada golongan B40 pihaknya, turut menangguhkan bayaran balik Pinjaman Pengajian Tinggi sehingga hujung tahun ini.

Selain itu, pihak TAPEM juga masih meneruskan sesi temuduga pelajar Institut Pengajian

Tinggi (IPT) untuk mendapatkan bantuan pinjaman dengan peruntukan lebih kurang RM3 juta untuk tahun 2020 sahaja.

## BAKAL PERKENAL INSENTIF BAHARU

Menurut Mustafa, selain 11 bantuan dan insentif yang disediakan sepanjang tahun, pihaknya juga bercadang untuk mewujudkan produk-produk baharu kepada anak Melaka di masa akan datang.

Katanya, perkara itu masih di peringkat pertimbangan ahli lembaga pengarah yang mana antara yang dicadang adalah untuk memperluaskan anugerah pelajar cemerlang ke sekolah agama rakyat dan juga mewujudkan Anugerah Pelajar Contoh Negeri Melaka.

"Anugerah Pelajar Contoh ini dicadang untuk diberikan khas kepada pelajar orang kelainan upaya (OKU) dan juga pelajar yang terkepung dalam dunia kemiskinan, namun mampu mendapat keputusan membang-

gakan dalam peperiksaan besar.

"Contohnya, ada pelajar OKU atau yang dari keluarga miskin dapat 6A untuk SPM. Walaupun dapat 6A mereka ini tidak layak untuk dapat Anugerah Pelajar Cemerlang kerana mungkin mereka mengambil 10 subjek.

"Tapi bagi kita, 6A untuk golongan pelajar seperti ini adalah sudah cukup cemerlang dan perlu dihargai kerana walaupun berdepan pelbagai faktor kekurangan dan kesempitan hidup mereka berjaya membuktikannya dalam pelajaran. Jadi anugerah inilah yang akan kita perkenalkan," katanya.

Tambahnya lagi, pihaknya juga bercadang untuk membawa cadangan berkenaan dalam Program Motivasi Perdana yang akan dianjurkan untuk pelajar SPM Melaka pada tahun ini.

Jelasnya, tujuannya adalah untuk mencabar wibawa pelajar-pelajar sempurna, selain membangkitkan lagi motivasi anak bangsa di negeri ini.





# Sulaiman terima gelaran Doktor Falsafah Kehormat

**Faiz Hasan**

SHAH ALAM — Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md. Ali dikurniakan penghargaan Ijazah Doktor Falsafah Kehormat (PhD Kehormat) dalam Bidang Pengurusan daripada Lincoln University College (LUC) pada 26 September lepas.

Majlis Konvokesyen LUC

2020 yang diadakan di Hotel Holiday Inn, Glenmarie itu menyaksikan 50 graduan menerima anugerah kedoktoran dalam pelbagai bidang masing-masing.

Majlis yang bermula selepas perarakan masuk graduan kemudian diteruskan dengan pengumuman pertama melalui perutusan yang dibacakan Pro Canselor LUC, Prof. Datuk Dr. Bibi Florina Abdul-

lah. Program itu kemudiannya diteruskan dengan ucapan daripada Presiden LUC, Prof. Dr. Amiya Bhaumik.

Sejurus ucapan dari pengurusan tertinggi universiti itu, Sulaiman diumumkan sebagai penerima ijazah kedoktoran terbabit yang disampaikan sendiri oleh Bibi Florina.



**SULAIMAN** menerima Ijazah Doktor Falsafah Kehormat (PhD Kehormat) dalam Bidang Pengurusan daripada Lincoln University College (LUC) yang disampaikan oleh Dr. Bibi Florina sambil disaksikan Dr. Amiya dalam Majlis Konvokesyen LUC 2020 yang diadakan di Hotel Holiday Inn, Glenmarie, baru-baru ini.

## COVID-19: Melaka tangguh semua aktiviti KM, Setiausaha Kerajaan Negeri dan EXCO

**Faud Ramdan**

AYER KEROH - Kerajaan Melaka menangguhkan kesemua aktiviti membabitkan Ketua Menteri, Setiausaha Kerajaan Melaka dan semua Pengurus Jawatankuasa Negeri (EXCO) susulan penularan wabak COVID-19.

Penangguhan serta-merta kesemua aktiviti membabitkan kepimpinan negeri itu diumumkan menerusi siaran media oleh Pejabat Ketua Menteri pada petang 1 Oktober lepas.

Menurut kenyataan itu juga, kesemua aktiviti ditangguhkan serta-merta sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Perjumpaan yang melibatkan Ketua Menteri di pejabat beliau juga ditangguhkan berkait kuasa serta-merta sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

"Bagi orang ramai yang mahu berurusan di Kompleks Seri Negeri mahupun pejabat-pejabat kerajaan lain di seluruh Negeri Melaka mereka mesti mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan pihak berkuasa berkaitan, bagi membendung penularan wabak tersebut.

"Sehubungan dengan itu, orang ramai di negeri ini dinasihatkan tidak panik dengan laporan-laporan yang ditularkan di media sosial, sebaliknya terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan pihak berkuasa sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang sedang berkuasa sejak 31 Disember 2020 ini," jelas kenyataan tersebut.



**KETUA** Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali bersama Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan Datuk Jailani Khamis (dua kiri) serta Pengurus Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur Datuk Roslan Ahmad (kiri) menunjukkan tanda bagus selepas menyempurnakan perasmian Promosi Pelancongan Negeri Melaka Menerusi LRT Wrapping di Stesen LRT Masjid Jamek, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

## Pengorbanan Rejimen 514 Askar Wataniah dihargai



**SULAIMAN** menyampaikan sijil penghargaan operasi Penawar COVID-19 kepada salah seorang anggota Rejimen 514 Askar Wataniah, sambil disaksikan Hasim (kiri) di Kem Bukit Beruang, baru-baru ini.

**Farah Suhaidah Othman**

AYER KEROH - Seramai 300 pegawai dan anggota Rejimen 514 Askar Wataniah menerima sijil penghargaan operasi Penawar COVID-19 di Kem Bukit Beruang di sini, baru-baru ini.

Kesemua mereka diberi penghargaan di atas pengorbanan mencurahkan bakti dan keringat untuk bertugas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Dalam majlis itu, seramai 50 pegawai dan anggota sukarelawan turut menerima sijil selepas tamat Kursus Asas Perajurit Muda Siri 2/2020.

Sijil berkenaan disampaikan oleh Ketua Menteri yang juga Pengurus Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah (JAKPAW) Negeri Melaka, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali.

Hadir sama, Komander Artilleri Divisyen, Divisyen Ketiga Infanteri Malaysia Merangkap Appointed Military Commander, Brigadier General Noor Sazali Putih, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka yang juga Pengurus JAKPAW, Datuk Seri Dr Hasim Hasan; Pemerintah Garison Gemas, Kolonel Che Manan Saad dan Komander Rejimen 514 Askar Wataniah, Brigadier General Datuk Yusof Jantan.

Sulaiman dalam ucapannya berkata, kebanyakan negara luar masih mencatatkan kes COVID-19 yang tinggi.

Bagaimanapun katanya, kes

COVID-19 di negeri ini masih terkawal di atas usaha dan kerjasama daripada para petugas barisan hadapan serta rakyat Melaka sendiri bagi mengekang penyebaran wabak itu.

Jelasnya, latihan atau kursus askar wataniah adalah salah satu agenda utama dalam Angkatan

Tentera Malaysia (ATM) untuk menyediakan satu angkatan sukarela yang kompeten dan membantu angkatan tetap selari dengan konsep membantu ganti (augmentation) dalam sebarang konflik.

"Keanggotaan angkatan sukarela ini terdiri daripada pelbagai lapisan dan latar belakang masyarakat dalam negeri Melaka.

"Menjadi hasrat saya untuk melihat anak watan negeri Melaka bersama-sama turut serta dalam menjaga kedaulatan negara dan negeri ini dengan komitmen padu pihak Markas Artilleri Divisyen, 3 Divisyen melalui kepimpinan Komander Artilleri Divisyen.

"Saya percaya, kursus serta latihan yang digariskan pada tahun ini akan meningkatkan tahap kompetensi dan pada masa yang sama membentuk angkatan sukarela yang kredibel serta mempunyai tahap kesiagaan yang tinggi," katanya.



Malindo Air

# Penerbangan Melaka-Pulau Pinang pada November



ROSLAN

Saliawati Salberi

AYER KEROH - Operasi penerbangan Malindo Air, Melaka-Pulau Pinang yang dijangka pada Oktober ini ditangguhkan sehingga November depan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur negeri Datuk Roslan Ahmad ber-

kata, penangguhan itu dilakukan bagi membolehkan promosi lebih giat dijalankan sekali gus menarik lebih banyak permintaan dalam menggunakan khidmat penerbangan itu.

Beliau berkata, pihaknya dimaklumkan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) sudah mengadakan perbincangan dengan pihak Malindo Air dan persetujuan

dibuat untuk operasi semula dijalankan bermula pada November.

"Pada Oktober, UPEN dengan kerjasama Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) akan mengadakan 'mass promotion' dalam menarik seberapa ramai pelancong ke Melaka dengan menggunakan penerbangan Malindo Air begitu juga dari sini ke Pulau Pinang.

"Malah UPEN juga akan men-

jalinkan kerjasama dengan agensi pelancongan di Pulau Pinang untuk menarik penduduk sana bercuti ke Melaka, dan kita sama-sama akan ke sana mengadakan promosi itu nanti," katanya.

Menurut Roslan, pertukaran tarikh penerbangan itu juga disebabkan permintaan perjalanan pada Oktober tidak mencapai sas-

ran untuk Malindo Air melakukan penerbangan.

"Saya difahamkan disebabkan permintaan kurang dan bawah sasaran ia tidak dapat untuk 'take off' ke Pulau Pinang pada Oktober ini," katanya.



IDRIS (tengah) meninjau sistem saliran di Jalan Dato Kokoh, Kampung Taboh Naning, baru-baru ini.

## Atasi banjir di Taboh Naning

Din Ahmad

TABOH NANING - Banjir di Taboh Naning harus segera diatasi melalui kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Daerah Alor Gajah dengan anggota komuniti.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Luar Bandar, Pengurusan Banjir dan Teknologi Hijau negeri Datuk Seri Utama Idris Haron berkata, JPS dan Pejabat Daerah Alor Gajah tidak boleh membuat kerja pengairan dan saliran hanya berdasarkan daptan kajian pegawai mereka.

Sebaliknya, kedua-dua agensi itu diarahkan mengambil kira pendapat anggota komuniti, terutama pemilik kolam di Kampung Ulu Sungai Buloh, Simpang Ampat di sini dalam membuat perancangan sistem berkenaan bagi mengelak banjir berulang.

"Pegawai JPS dan pejabat daerah adalah tenaga profesional yang menjalankan kerja mengikut peraturan tetapi saya meminta mereka

jangan menidakkann pendapat penduduk kampung.

"Pegawai memang bijak menyusun pelan pembangunan tetapi mereka tidak tahu selok-belok sesuatu kawasan yang ingin dimajukan dan bagi melengkapkan kajian serta pelan tindakan, mereka perlu mendengar pendapat anak kariah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui semasa meninjau sistem pengairan dan saliran di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Taboh Naning, baru-baru ini yang terjejas akibat banjir.

Turut hadir ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning Datuk Latipah Omar; Pegawai Daerah Alor Gajah Rahizi Ramon; Jurutera Daerah (JD) Jabatan Kerja Raya (JKR) Alor Gajah Hafrin Salleh dan beberapa pegawai JPS.

Selain meninjau kolam penteranagan ikan air tawar di Kampung Ulu Sungai Buloh, beliau turut meninjau parit dan sungai Jalan Dato Kokoh di Kampung Taboh Naning, Jalan

Megat Datuk Melintang dan Jalan Tanjung Cherana Putih.

Idris berkata, sebanyak 99 kolam ikan air tawar seperti keli, tilapia merah, jelawat dan patin di Kampung Ulu Sungai Buloh dimasuki air dari sungai yang melimpah dalam kejadian banjir kira-kira jam 9 malam pada 21 September lalu yang mengakibatkan ribuan ikan terlepas.

"Penternak ikan di sini adalah generasi ketiga yang mewarisi industri itu daripada anggota keluarga masing-masing dan kebanyakannya dipasarkan ke Kuala Lumpur dan Selangor," katanya.

Dalam kejadian itu, hujan lebat di hulu sungai di Tampin, Negeri Sembilan mulai jam 5.30 petang mengakibatkan 99 kolam berkenaan dipenuhi air yang melimpah dari sungai.

Penternak ikan tidak mampu berbuat apa-apa, selain terpaksa berputih mata menyaksikan ikan peliharaan masing-masing masuk ke dalam sungai dan parit di sekeliling kampung.

## Peruntukan RM1,482,000 sagu hati buat nelayan berdaftar

Liana Sahabudin

PENGKALAN BATU - Kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM1,482,000 bayaran sagu hati 'one-off' kepada 1,126 nelayan berdaftar di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata, ia bagi meringankan beban nelayan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Menurutnya, penerima itu terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina, India dan Portugis yang mengusahakan peralatan tradisional untuk menangkap ikan di laut.

"Jumlah ini termasuk 546 nelayan di Daerah Melaka Tengah, manakala seramai 580 nelayan Daerah Alor Gajah dan Jasin telah menerima bayaran sagu hati ini pada sebelah pagi.

"Bayaran ini terbahagi kepada empat fasa iaitu fasa pertama pada hari ini, fasa kedua bulan November, fasa ketiga bulan Februari 2021 dan fasa keempat bulan Mei 2021.

"Jumlah yang akan diterima nelayan adalah RM2,000 kepada pemilik sampan dan RM250 kepada awak-awak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Bayaran Sagu hati Khas One-Off kepada Nelayan Negeri Melaka di Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (Japerun) Pengkalan Batu, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Perikanan Negeri Melaka Mohd Fauzi Salehon dan Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Negeri Melaka Rosli Mustapa.

Tambah Norhizam, bagaimanapun permohonan bantuan Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) Akuakultur telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM131,580.

"Di Melaka terdapat 11 penternak akuakultur melibatkan tujuh penternak di Daerah Alor Gajah, dua penternak Daerah Melaka Tengah dan dua penternak di Daerah Jasin.

"Pada masa sama, kita cuba bantu nelayan yang tidak berlesen, saya sebagai Exco akan dapatkan lesen untuk mereka bagi menghalalkan mereka ke laut supaya mereka tak kena saman atau denda," katanya.

## MELAKA HARI INI

Pengarang Kanan  
MUHD RIZANIZAM ABDUL HAMID  
mrizanizam@gmail.com

LIANA SAHABUDIN  
lilyann90@melakahariini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN  
faizhasan@melakahariini.my

REKABENTUK & GRAFIK Ketua  
HANALIZA JUMINGAN  
jotshoot@melakahariini.my

Pengarang  
MOHD HAMZATUL AKMAR MD ZAKARIA  
yondaime87@melakahariini.my

NURSALIA SALBERI  
nur\_salberi@melakahariini.my

FARAH SUHAIDAH OTHMAN  
farahothman@melakahariini.my

Penolong Pengarang  
AHMAD FUAD RAMDAN  
fuadramdan@melakahariini.my

MOHD FAZRUL ABDUL MAJID  
fazrul@melakahariini.my

Jurufoto Kanan  
AZREN JAMALUDIN  
m.azren86@gmail.com

MIMIE AZURA ABU BAKAR  
mimieazura1981@melakahariini.my

MUHAMAD AIZAT BAHRUDIN  
aizat.syamil65@melakahariini.my

### PEMASARAN

Pengurus  
MUHAMMAD HAMZI ROSMANI  
amz@melakahariini.my  
018-329 9936

Esekutif  
IZAIDA RAIHANAH IDRIS  
izraihanah363@gmail.com

### MELAKA TV

Ketua  
ASHALIA YUSOF  
ashalayusof@melakahariini.my

Wartawan Penyiaran  
MOHAMAD FARIS HAikal  
farishaikal.zakaria@melakahariini.my

Jurukamera  
ISMAIL IBRAHIM  
dakmail92@melakahariini.my

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315  
FAX : 06 - 251 9316

SITI NAJIHA ABDULLAH  
ehanajihah0@melakahariini.my

SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHAIDZIR  
khalidah@melakahariini.my

Penyunting Video  
RABIAH OSMAN  
osmanrabiah@melakahariini.my

AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI  
aufaizzati98@melakahariini.my

AMIRUL RAMLI  
amirulramli1990@melakahariini.my



6 Mhi

WAWANCARA KHAS

Edisi 5 Oktober 2020 - 11 Oktober 2020 | 17 Safar 1442H - 23 Safar 1442H

Melakahariini @ Melaka TV



## EKONOMI

# PKNM komited perkasa ekonomi negeri

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Meskipun berhadapan dengan pandemik COVID-19, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) optimis untuk meneruskan pelbagai projek pembangunan bagi membantu dalam memperkasa pertumbuhan ekonomi negeri.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Azmi Hussain berkata menerusi peruntukan Pelan Rangsangan Ekonomi Prihatin yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kita juga mendapat sedikit peruntukan sebanyak RM2 juta untuk membangunkan 16 projek, yang mana projek berkenaan untuk membantu usahawan industri kecil dan sederhana (IKS).

Katanya, bagi meneruskan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), Kerajaan Persekutuan memberi PKNM peruntukan lebih RM20 juta bagi menaik taraf Kompleks Air Panas Gadek, Alor Gajah bernilai RM17.9 juta untuk dijadikan resort spa manakala selebihnya membaik pulih mendaran tanah di Terminal Melaka Sentral.

"Bagi peringkat kerajaan negeri, sektor perindustrian menjadi fokus kita di mana kita akan bangunkan 2,000 ekar (809 hektar) di daerah Jasin bagi mengadakan perbincangan dengan syarikat perlادangan sedia ada bagi mendapatkan pembangunan industri.

"Yang kedua, pembangunan dalam projek komersil, ini juga dalam perancangan sebab hari ini oleh kerana suasana pandemik ini kedatangan pelabur adalah menjadi satu masalah, tetapi sebenarnya banyak pelabur domestik yang boleh memberi kerjasama yang baik dengan kerajaan negeri, sekali gus memberi fokus kepada banyak syarikat berkaitan kerajaan tempatan untuk berurusan dengan rakan strategik pelaburan di Melaka.

"Dan yang ketiga adalah memperkasa syarikat harta tanah yang sedia ada untuk bekerjasama dengan PKNM dalam menjadi rakan strategik bagi membangunkan kawasan industri.

"Akhir sekali, PKNM teruskan usaha untuk mempromosi Melaka dari masa ke semasa dengan mengadakan rundingan menerusi alam maya dengan rakan pelabur asing, dan sebab itu kita mengaktifkan semula Invest Melaka untuk dijadikan medium terbaik melaksanakan promosi pelaburan di negeri ini dalam semua sektor," katanya.

Mengulas lanjut, Azmi berkata bagi memperkasa empat bidang utama iaitu perindustrian, pelancongan, perumahan serta

perniagaan dan perdagangan, PKNM memberi keutamaan kepada sektor perindustrian memandangkan 30 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah dari sektor terbitan.

"Kita juga menggazetkan kawasan seluas 450 ekar di Telok Gong sebagai satu hab tenaga bagi industri minyak dan gas untuk dijadikan kawasan strategik Taman Perindustrian Pintar Bersepadu.

"Semuanya akan terlaksana selepas kita mendapat isyarat jelas daripada pihak PETRONAS kerana kita memerlukan 'anchor' untuk melaksanakan kawasan industri tersebut.

"Bajet pembangunan bagi tahun 2021 hingga 2025 dianggarkan mencecah RM1 bilion bagi memperkasa agensi ini sebagai peneraju untuk pembangunan ekonomi negeri Melaka," katanya.

Menurut Azmi, bagi sektor pelancongan pihaknya juga melihat untuk menaik taraf lokasi pelancongan yang dimiliki agensi itu termasuk Taman Mini Malaysia dan Taman ASEAN bagi menarik semula kedatangan pelancong ke negeri ini.

"Kita juga mengintai kawasan tertentu di negeri ini untuk dijadikan kawasan baru untuk pelancongan contohnya di Umbai, kita kenal pasti kawasan berhampiran dengan laut," katanya.

Selain itu, jelas beliau, dalam usaha merencana pelbagai pelan perniagaan untuk membantu ekonomi negeri, penubuhan PKNM kekal untuk memberi fokus kepada golongan Bumiputera.

Katanya, pihaknya telah membangunkan 12 kawasan industri manakala 10 kawasan in-

dustri dimajukan oleh dengan pihak swasta.

Bagi memastikan agenda pembangunan Bumiputera tidak ketinggalan, PKNM telah membangunkan lebih 1,500 bangunan dan tapak IKS di seluruh Melaka termasuklah Bazar Melaka Sentral, Medan Ikan Bakar dan gerai Rehat dan Rawat (RNR).



Untuk sektor industri pula, menerusi keseluruhan kawasan perindustrian telah berjaya menarik pelabur dalam dan luar negara untuk beroperasi dan telah mewujudkan sebanyak 109,000 peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Sebagai usaha memastikan pelabur terus konsisten memilih negeri ini sebagai destinasi utama pelaburan mereka, Azmi berkata, pihaknya sedia membantu apa jua kesulitan dialami pelabur sedia ada dan prospek baharu untuk melaksanakan sebarang urusan perniagaan di negeri ini.

"Kita sebagai perantara untuk mereka berurusan dengan pihak kerajaan Persekutuan, contohnya jika permohonan mereka dari segi tarif, cukai atau peluang perniagaan dan sebagainya, kita sebagai urusetia yang akan menguruskan bagi pihak mereka.

"Di samping kita mempunyai jalinan kerjasama dengan FMM (Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan dewan-dewan perniagaan," katanya.

## Peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11)

### Kerajaan Persekutuan beri PKNM peruntukan hampir RM20 juta bagi :



**Menaik taraf Kompleks Air Panas Gadek, Alor Gajah bernilai RM17.9 juta untuk dijadikan resort spa**

**Menaik Taraf di Terminal Melaka Sentral bernilai RM3 juta**



AZMI



## LATAR BELAKANG PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

### Sejarah penubuhan PKNM

- ✓ Sejarah (PKNM) bermula apabila Kerajaan Persekutuan menggesa agar setiap negeri di negara ini menujuhkan perbadanan kemajuan negeri masing-masing bagi memastikan tahap pembangunan ekonomi dan sosial ekonomi dapat dipertingkatkan. Sebagai sebuah Badan Berkanun, pada ketika itu, setiap PKEN dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan usaha pembangunan ekonomi dan sosial di negeri masing-masing. Ia juga adalah sejarah dengan matlamat kerajaan merealisasikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) khususnya dalam memastikan penyertaan golongan Bumiputera akan dapat dicapai.
- ✓ Selain itu, peranan utamanya juga adalah meningkatkan taraf hidup dan menyusun semula masyarakat melalui pembangunan yang seimbang dan pengagihan pendapatan yang saksama.
- ✓ Justeru itu menerusi penguatkuasaan Enakmen PKNM iaitu Enakmen No 1 Tahun 1971, PKNM telah ditubuhkan pada 30 April 1971 dengan kakitangan ketika itu hanya seramai 20 orang sahaja.
- ✓ Matlamat Kerajaan Negeri terhadap penubuhan PKNM pada ketika itu adalah berperanan dalam membangunkan serta memajukan negeri Melaka dalam empat bidang utama iaitu : Perindustrian, Pelancongan, Perumahan, Pemiagaan & Perdagangan.

**Sumber dari :**  
Laman rasmi Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM)





## CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

# Cadang jajaran M-WEZ diperluas

**Farah Suhaidah Othman**

PERBADANAN Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya mempertimbangkan semula untuk menambah keluasan kawasan penubuhan zon ekonomi baharu, Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ).

Datuk Azmi Hussain berkata, pihaknya menyambut baik dan menyokong penuh dengan perancangan pembangunan zon ekonomi baharu seluas 6,070 hektar (15,000 ekar) di sepanjang 22 kilometer persisiran pantai malah melihat perancangan itu sebagai nukleus kepada pembangunan koridor baharu di Malaysia.

Bagaimanapun katanya, jajaran kawasan M-WEZ itu sekiranya dapat dilakukan pe-

nambahbaikan dengan memperluaskan kawasan jajaran supaya pelbagai kluster pembangunan dapat diperolehi menerusi penubuhan zon ekonomi itu.

"Oleh kerana tumpuan itu kepada kawasan deklarasi, jika dapat kerajaan negeri mempertimbang semula jika boleh menjadikan koridor itu satu jajaran yang lebih luas yang boleh menarik dari utara hingga selatan Melaka.

"Dan dari situ kita akan lihat kluster pembangunan, di mana kita ada industri tenaga di bahagian utara, di bahagian tengah strategik untuk projek kerjasama bersama PETRONAS, di bahagian selatan pula kita ada M-WEZ manakala kita juga sudah bersedia untuk minyak dan gas" katanya.

Mengulas lanjut, di sam-

**M-WEZ dilihat sebagai nukleus kepada pembangunan koridor baharu di Malaysia. (Gambar Fail)**

ping itu kerajaan negeri perlu menyediakan infrastruktur yang terbaik bagi memudahkan akses hubungan orang ramai ke lokasi pembangunan itu.

"Kita sangat perlukan infrastruktur itu supaya kita ada

jaringan jalan raya yang boleh menghubungkan utara hingga ke Jalan Sultan Abdul Aziz (Selangor) atau jalan persisiran pantai yang baik supaya memudahkan akses orang ramai untuk ke Segar dan sebagainya.

"Saya yakin dengan ilham Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali untuk mewujudkan M-WEZ akan terlaksana sekiranya kerajaan bersatu dengan cadangan ini," katanya.

**PERNIAGAAN**

## Struktur semula anak syarikat

BAGI memastikan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) lebih dinamik serta relevan dalam dunia perniagaan pada ketika ini, badan tersebut kini dalam usaha melaksanakan penstrukturkan semula anak syarikat menjelang Januari 2022.

Datuk Azmi Hussain berkata, sebagai permulaan pihaknya akan melihat kekuatan pada setiap agensi terbabit dan mengenal pasti peluang baharu untuk mengembangkan perniagaan bagi setiap anak syarikat tersebut.

Katanya, PKNM yang bertindak sebagai agensi peneraju pembangunan ekonomi negeri, anak syarikat tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada badan induk itu sebaliknya meneroka peluang yang ada untuk memacu pertumbuhan ekonomi syarikat.

"Mereka perlu ada aset dan tidak boleh bergerak sebagai syarikat biasa. Sebagai contoh, anak syarikat PKNM, Mcorp Sdn Bhd, yang menguruskan Hotel MITC, saya cabar mereka supaya dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, MCorp boleh membeli hotel itu daripada PKNM, bukan sekadar mengurus sebaliknya miliki aset sendiri.

"Dengan cara itu, maknanya kita meningkatkan pemerkasaan anak-anak syarikat, begitu juga dengan MITC, yang sekarang ini kita sediakan lokasi untuk pengajuran seminar, konvesyen, jadi apa kata MITC Sdn Bhd miliki aset sendiri untuk masa akan datang, itu yang kita sedang rencanakan," katanya.

Mengulas lanjut, bagi memastikan proses itu berjalan mengikut perancangan, semua kakitangan termasuk anak syarikat perlu menghasilkan modal insan yang lebih mantap.

"Cabaran saya dalam melihat usaha kita ke arah transformasi itu adalah saya harus pastikan bahawa saya memiliki staf yang mempunyai modal insan yang mantap.

"PKNM juga memerlukan sokongan yang kuat daripada rakan strategik perniagaan untuk sama-sama membantu ke arah itu, kita perlu ada matlamat itu kalau tidak agak susah untuk melangkah lebih jauh," katanya.

Azmi berkata, bagi memastikan PKNM kekal berdiri teguh sebagai syarikat yang unggul untuk membantu ekonomi kerajaan negeri, beliau sendiri yang dipertanggungjawabkan meneraju agensi itu perlu mengenal pasti kekuatan, kelemahan serta ancaman tertentu untuk menghadapi cabang mendatang.

Menurutnya, beliau perlu memastikan hala tuju serta matlamat PKNM itu mengikut arca yang ditentukan supaya tidak bertindih dengan agensi pelaksana yang lain.

"Sebagai contoh, dalam industri hartanah, banyak agensi termasuk swasta ke arah itu jadi kita tidak mahu sentuh mengenai itu.

"Jika dahulu, kita sebagai penyedia (provider), tetapi sekarang ini kenapa tidak kita melibatkan diri sebagai pelabur, kita jadi rakan kongsi supaya kita boleh kekal pada masa hadapan dari segi perniagaan.

"Apabila bercakap mengenai aset, saya berusaha untuk menambah nilai (aset) bagi mencecah sehingga RM2 bilion dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang jika diizinkan.

"Dan mungkin siapa tahu kita boleh disenaraikan dalam Bursa Saham, kenapa tidak kita ambil peluang untuk rebut ekuiti dalam syarikat untuk masa hadapan," katanya.

### SENARAI ANAK SYARIKAT PKNM





8 Mhi

Edisi 5 Oktober - 11 Oktober 2020 | 17 Safar 1442H-23 Safar 1442H

Melakahariini



Melaka TV



*Setinggi-tinggi*  
**Tahniah**  
*Kepada*



**YAB Datuk Seri Utama (Dr.)  
 Haji Sulaiman Bin Md. Ali  
 Ketua Menteri Melaka**

*Atas*

**Penganugerahan Ijazah Kehormat  
 Doktor Falsafah Pengurusan**

*Setulus Ikhlas daripada*



Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif  
 Seluruh Warga Kerja Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka  
 Dan Kumpulan Anak Syarikat PKNM





# AADK Melaka perkasa saringan dadah di tempat kerja, sekolah

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

AYER KEROH - Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Melaka bakal memperkasakan program 'Tempat Kerja Bebas Dadah' dengan melakukan saringan air

kencing di agensi kerajaan dan swasta.

Pengarah AADK Melaka Nazir Mohamad berkata, perkara itu perlu dilakukan dalam usaha membendung ketagihan dadah di negeri ini yang kian

membimbangkan dari tahun ke tahun.

Menurutnya, bukan sahaja agensi kerajaan dan swasta, bahkan pihaknya juga bercadang memperluaskan program berkenaan kesekolah-sekolah terutama di kawasan berisiko tinggi (KBT).

"Kita sasarkan untuk memasuki sekurang-kurangnya 15 agensi dan jabatan kerajaan di negeri ini sehingga hujung tahun nanti. Bukan kerajaan sahaja, tetapi kita juga bercadang untuk masuk ke syarikat swasta dan sekolah-sekolah secara tahunan."

"Jadi kita seru kepada ketua-ketua jabatan dan syarikat untuk bekerjasama dengan kita bagi menjalankan program ini."

"Tujuan kita, bukan untuk mencari keburukan pekerja, tetapi ia lebih kepada intervensi atau pencegahan yang mana apabila pekerja atau pelajar tahu AADK nak masuk ke tempat kerja, mereka akan takut dan tidak lagi mengambil dadah atau bahan larang," katanya dalam wawancara khas bersama media baru-baru ini.

Menurut Nazir, sepanjang 2020, pihaknya sudah memasuki 19 agensi kerajaan untuk menjalankan saringan air kencing dan hasilnya, enam penjawat awam negeri ini didapati positif dadah.

Menurutnya, hasil ujian mendapati keenam-enam mereka positif dadah jenis syabu dan perkara itu telah dilaporkan serta tindakan sudah diambil oleh ketua jabatan.

Selain itu beliau berkata, seramai lapan pekerja swasta merangkumi pekerja di sebuah tempat pelancongan, penarik beca dan pengawal keselamatan juga dikesan positif dadah se-

**“Hasil ujian mendapati keenam-enam mereka positif dadah jenis syabu dan perkara itu telah dilaporkan serta tindakan sudah diambil oleh ketua jabatan.”**



**NAZIR**

lepas menjalankan saringan ke atas 397 pekerja dari 17 buah syarikat.

Manakala, di peringkat sekolah pula, pihaknya sudah menyaring seramai 554 pelajar sekolah menengah di kawasan berisiko tinggi yang mana enam daripada mereka dikesan positif dadah jenis syabu.

## Pemilik restoran bumiputra Melaka sepakat bersama kembangkan perniagaan

**Faiz Hasan**

DURIAN TUNGGAL - Hampir 100 pemilik restoran dan kafe di negeri ini mengadakan pertemuan antara satu sama lain bagi mencapai permuafakatan dalam perniagaan rentetan pasca penularan pandemik COVID-19.

Menurut salah seorang peniaga, Ahmad Shukri Abdul Shukor, 41, pertemuan yang diadakan itu telah dihadiri hampir keseluruhan pemilik restoran di negeri ini yang dimiliki golongan Bumiputra bagi bersama mengembangkan perniagaan antara satu sama lain.

Katanya, pertemuan yang julkali diadakan itu sekali gus mewujudkan jaringan antara peniaga restoran dan kafe di negeri ini bagi merangka strategi dalam permasaran selepas negara dilanda wabak terbabit.

"Kami bakal mewujudkan sebuah persatuan baharu yang dike-

nali sebagai Melaka Restaurant & Cafe Owner (MR&CO) sebagai membawa suara peniaga restoran dan kafe di negeri ini dalam mengendalikan bidang perusahaan yang kami ceburi di negeri pelancongan ini.

"Kolaborasi yang diadakan ini menampakkan impak positif antara satu sama lain, malah pelbagai perkongsian turut dibicarakan daripada pemilik restoran Melayu yang sudah maju ke hadapan bagi memastikan tiada peniaga yang tertinggal dalam membangunkan industri ini."

"Pada pasca penularan pandemik ini, rata-rata peniaga menerima impak tinggi kesan daripada sektor pelancongan Melaka yang semakin meningkat, jadi, inilah pertemuan dan perbincangan yang perlu dilaksanakan agar masing-masing menerima manfaat agar tidak tertinggal ke belakang," katanya yang juga merupakan pemilik

Nasi Ayam Baba.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada program MR&CO 1st Gathering diadakan di Restoran Kolok VS Laksa Sarawak, baru-baru ini.

Dalam pada itu, seorang peniaga, Mohamad Shirajuddin Bolhi, 34, berkata, pertemuan terbabit sekali gus membuka mata setiap peniaga terlibat dalam merangka strategi khususnya pemasaran di dalam perniagaan.

Ujarnya, kebanyakan peniaga telah diberi peluang bagi mengembangkan perniagaan bagaimanapun, terdapat sebahagian dari golongan itu gagal meneruskannya kerana kekurangan bimbingan daripada golongan berpengalaman.

"Kerajaan telah banyak menyediakan peluang kepada peniaga termasuk pembiayaan daripada pelbagai agensi, namun kebanyakannya mereka kekurangan bimbingan menyebabkan usaha mereka ter-



**SHIRAJUDDIN menampal stiker program pada meja kaunter kedai selepas pertemuan itu.**

henti.

"Jadi dengan pertemuan seperti inilah yang mampu membuka mata antara satu sama lain bagi mendapatkan perkongsian pengalaman melalui pelbagai peluang yang perlu diambil bagi mengembangkan perniagaan sendiri."

"Sebagai peniaga, langkah strategik perlu diambil berdasarkan trend perniagaan terkini, malah mereka perlu meletakkan pemikiran bahawa berniaga bukannya untuk bersaing, namun perlu berkongsi agar bersama maju kehadapan," katanya.

## Ambulans remuk rempuh lembu

**Saliawati Salberi**

AYER KEROH - Sebuah ambulans yang dalam perjalanan mengantar pesakit ke Hospital Melaka terbabit kemalangan selepas merempuh seekor lembu yang tiba-tiba melintas jalan dalam kejadian di Lebuh Alor Gajah- Melaka Tengah- Jasin (AMJ) Kandang baru-baru ini.

Kejadian dikatakan berlaku kira-kira jam 7 pagi, apabila ambulans dari Kli-

nik Kesihatan Sungai Rambai itu dalam perjalanan ke Hospital Melaka.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Afzanizar Ahmad berkata, ketika kejadian lembu terbabit melintas jalan di laluan utama dan ambulans ketika itu dipandu di lorong kiri.

"Ambulans yang dalam perjalanan ke hospital itu membawa seorang pesakit lelaki berusia 40 tahun dan seorang Penolong Pegawai

Perubatan (PPP).

"Akibat kemalangan itu pemandu ambulans mengalami sakit dibahagian lutut kiri manakala pesakit dan PPP dilaporan tidak cedera," kata-

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri Rahmad Mariman mengingatkan kepada orang awam terutamanya pemilik dan penternak haiwan agar tidak bersikap lepas

tangan.

"Saya menyeru kepada penternak lembu agar tidak melepaskan lembu di kawasan luar daripada kandang kerana keadaan itu boleh mengancam keselamatan orang ramai."

"Malah pihak berkuasa bukan sahaja boleh mengenakan kompaun tetapi siataan ke atas haiwan juga akan diambil sekiranya didapati pemilik atau penternak terus melepaskan," katanya.



**KEADAAN ambulan yang remuk selepas merempuh lembu dalam kejadian di AMJ Kandang, baru-baru ini.**



# Nasib Setinggan Kampung Jawa: MAIM bantu keluarga cari perlindungan



ANTARA rumah setinggan yang dirobohkan di Kampung Jawa baru-baru ini kerana didapati tidak selamat.

**Faiz Hasan**

BANDARAYA MELAKA - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah memainkan peranan bagi mengambil tindakan segera menyelamatkan keluarga yang kehilangan tempat tinggal di Kampung Jawa, baru-baru ini.

Pegawai Zakat MAIM Daerah Melaka Tengah Mohd Nazri Ab. Rahim berkata, tindakan segera itu

telah dilaksanakan pihaknya dengan meletakkan dua keadaan berkenaan di penempatan sementara yang disediakan pihaknya.

Jelasnya, seramai 11 orang isi rumah dari dua keluarga tersebut telah dilepaskan di Asrama Mualaf Kompleks Darul Huda, Balai Islam MAIM sebelum tindakan segera diambil bagi menyelamatkan keluarga berkenaan mendapat perlindungan tempat tinggal.

"MAIM sedang berusaha mencari rumah buat keluarga yang masih mempunyai anak kecil ini bagi memastikan mereka selesa dan mampu menjalani kehidupan dengan lebih baik.

"Melalui inisiatif ini, MAIM akan cuba memberi bantuan sewajarnya kepada penduduk yang terpaksa berpindah, malah kita akan membantu keluarga ini dengan menawarkan pembayaran deposit seawaan rumah yang berpatutan kepada mereka.

"Perkara ini perlu dilaksanakan segera demi

memainkan peranan bagi membantu umat Islam di atas dasar kemaslahatan ummah itu sendiri.

"Buat masa ini kita mengharapkan agar semua pihak berteman dan tidak membuat tindakan terburu-buru dengan melahirkan pelbagai spekulasi kerana kita masih di dalam proses mendapatkan bantuan bagi penduduk terjejas ini melalui kerjasama pelbagai agensi termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AA-DK) dan sebagainya," kata-

"Kita tidak menolak sebarang permohonan bantuan, malah setakat ini kita masih belum menerima permohonan bagi menyalurkan bantuan sara hidup bulanan dan sebagainya.

“MAIM sedang berusaha mencari rumah buat keluarga yang masih mempunyai anak kecil ini bagi memastikan mereka selesa dan mampu menjalani kehidupan dengan lebih baik.”

nya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, pihaknya difahamkan sebanyak dari 11 unit rumah yang terjejas, hanya unit sahaja yang penghuninya sudah berkeluarga, manakala jumlah selebihnya masih bujang dan ada diantarnya tidak beragama Islam dan bukan merupakan anak jati negeri ini.

Bagaimanapun katanya, pihaknya tidak menolak sebarang permohonan bantuan daripada mana-mana individu bagi menyalurkan bantuan kepada golongan terbabit.

"Kita tidak menolak sebarang permohonan bantuan, malah setakat ini kita masih belum menerima permohonan bagi menyalurkan bantuan sara hidup bulanan dan sebagainya.

"Kita akan menjalankan

siasatan kepada golongan ini setelah menerima permohonan bagi melengkapkan beberapa kriteria lain sebelum ia diluluskan," katanya.

Pada 24 September lepas, beberapa keluarga di Kampung Jawa terpaksa mengosongkan kediaman mereka meskipun mendakwa sudah menetap di kawasan itu sejak 50 tahun lalu.

Ia susulan notis arahan daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) supaya mereka berbuat demikian berikutan rumah kayu yang dibina di atas tanah persendirian itu berada di pinggir Sungai Melaka dan dikategorikan sebagai tidak selamat didiami.

Rentetan itu, kesemua keluarga terlibat perlu akur dengan arahan berpindah itu mengikut notis di bawah Seksyen 83(1) Akta 133.

## Ibu bapa disaran perangi jenayah siber

**Liana Sahabudin**

AYER KEROH - Ibu bapa perlu mengawasi anak-anak supaya tidak menyalahgunakan platform dunia digital yang semakin canggih pada masa kini.

Pengerusi Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) Melaka Datin Seri Zarina Mohd Yusoff berkata, ia bagi membantu anak-anak menggunakan teknologi itu dengan lebih selamat.

"Ibu bapa juga perlu diberi panduan bagi mendalamai kemahiran keiba-bapaan siber dalam dunia digital."

"Kita percaya inisiatif ini dapat membantu ahli-ahli Puspanita supaya bijak berinteraksi dalam laman sosial sekali gus melindungi keselamatan diri dan keluarga," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Kesedaran Jenayah Siber 'Jadi Wanita Bijak' di Auditorium Seri Negeri, baru-baru ini.

Hadir sama, Penganalisis Jenayah Kamal Affandi Hashim.

Program itu mendapat kerjasama Jabatan Penerangan Melaka, Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri dan Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia (SKM) Melaka.

Sementara itu, Kamal Affandi berkata, golongan wanita dan kanak-kanak perempuan lingkungan umur 14 tahun ke bawah antara yang menjadi sasaran kepada penjenayah siber.

"Ketika ini ibu bapa harus peka dan sensitif melihat 'apa yang bertambah' dalam koleksi barang anak-anak.

"Mungkin perkara yang bertambah itu datang dari pemangsa yang sedang memenuhi kehendak anak-anak," katanya.

## Arca keris bersinar di bulatan Alor Gajah

**Farah Suhaidah Othman**

ALOR GAJAH - Mercu tanda rakyat di Daerah Alor Gajah, arca keris yang dipindahkan ke bulatan Alor Gajah pada Mac kini menyinari kawasan bulan itu setelah siap sepuhnya 9 Ogos lalu.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) Mohd Fadhil Hassan berkata, kerja-kerja perobohan struktur lama di Dataran Keris dan pembinaan struktur baru keris serta pemindahan arca berkenaan telah bermula pada 20 Mac lalu.

Bagaimanapun katanya, kerja-kerja pembinian serta pemindahan itu tergenda sekutik akibat penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Penyambungan kerja-kerja pemindahan itu telah bermula semula pada 10 Jun dan siap sepenuhnya pada 9 Ogos lalu.

"Arca keris itu kini dilengkapi dengan penggunaan lampu yang bertukar warna pada waktu malam, manakala pokok bunga yang ditamam akan berbunga dalam tempoh tiga lima bulan akan datang, sekali gus menyerikan lagi keceriaan di bulatan Alor Gajah tersebut," katanya ketika dihubungi.

Mengulas lanjut, pembinaan ar-

ca keris di Dataran Keris telah dibina sejak 20 tahun lalu, namun MPAG merancang untuk membuat kerja-kerja pengubahsuaian di Dataran Keris termasuk memindah-

kan arca keris tersebut.

"Pemindahan keris tersebut dapat membesar ruang dataran untuk pelbagai aktiviti dengan lebih selesa," katanya.



ARCA keris yang siap sepenuhnya pada 9 Ogos lalu.



# MIMBAR MAIM

*Mhi*

EDISI KHAS

EDISI 5 OKTOBER 2020 - 11 OKTOBER 2020

Sesuatu yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, sebagai ketetapan yang telah ditentukan waktunya. Barang siapa menghendaki pahala dunia, nescaya Kami berikan kepadanya pahala dunia itu, dan barang siapa menghendaki pahala akhirat, Kami berikan (pula) kepadanya pahala akhirat itu. Dan kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur.

Surah Ali Imran Ayat 145

## SAZ prihatin kehidupan asnaf

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) sentiasa memainkan peranan menyelusuri dan menyantuni asnaf di segenap kawasan di dalam negeri Melaka.

Peranan yang dimainkan merupakan antara objektif utama penubuhan skuad berkenaan bagi memastikan setiap asnaf yang layak akan menerima bantuan agihan zakat sebagaimana yang termaktub dalam hukum syarie.

Terbaru SAZ telah menyantuni

sepasang adik beradik yang tinggal bersama selepas kematian bapa mereka yang juga merupakan saudara baru muslim ataupun mualaf.

Berdasarkan maklumat yang diberi, ibu mereka yang juga warganegara Indonesia berada di negara berkenaan dan masih tidak dibenarkan untuk pulang ke Malaysia berikut pandemik Covid-19 yang melanda pada ketika ini. Dengan keadaan tempat tinggal yang juga merupakan rumah yang disewa agak uzur, menjadi kesukaran kepada ketiga-tiga adik beradik ini untuk meneruskan kehidupan dan pada ketika ini juga

salah seorang dari mereka terpaksa bekerja sambilan bagi menampung khidupan sehari-hari.

Muhammad Asyraf bersama dua orang adik Muhamad Asri dan Siti Nor Fadila yang mana kesemuanya berumur 19, 17 dan 16 tahun mempunyai masalah berkaitan pengenalan diri dan ini menyukarkan mereka meneruskan persekolahan mereka.

Segala maklumat yang diterima, pihak SAZ turut memanjangkan perkara berkenaan kepada agensi yang berkaitan bagi memastikan permasalahan mengenai pengenalan diri dan persekolahan mereka dapat diselesaikan dengan kadar segera.

Cabarannya dihadapi oleh adik-beradik ini merupakan antara usaha yang perlu dilakukan oleh beberapa agensi di negeri ini bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan seperti remaja lain di luar sana.

SAZ juga turut menyampaikan sumbangan wang tunai dan kit makanan bagi meringankan beban mereka dan dalam waktu sama akan memastikan segala keperluan kesihatan mahupun pendidikan dapat ditunaikan dengan sebaiknya.



SKUAD SAZ hadir menyantuni kedua-dua beradik berkenaan.



KEADAAN rumah yang uzur memerlukan perhatian pelbagai pihak.

**11 PERKHIDMATAN BAITULMAL MAIM**

The diagram illustrates 11 services provided by Baitulmal Maim, arranged around a central circle:

- Permohonan Pengalihan Kubur Islam Lama
- Kiraan & Agihan Fidyah
- Khidmat Nasihat Pengurusan Pusaka
- Tabung Amal Jariah Negeri Melaka (TAJM)
- Kebenaran/Lanjutan Pungutan Khairat
- Penebusan/Pembelian Bahagian Baitulmal
- Sewaan Hartanah Baitulmal
- Harta/Wang Tidak Patuh Syariah
- Penandaan Arah Kiblat
- Serahan Harta LUQATAH (Barang Tercair)
- Kiraan & Agihan Kaffarah

**"Baitulmal Diperkasa,  
Ummah Sejahtera"**

**SILAHKAN KUNJUNGI**

**Seksyen MAL, Majlis Agama Islam Melaka,  
Pusat Islam Melaka, Bukit Palah, Melaka  
(06-283 7416 / 06-284 9809)**



(12) Mhu

**Minbar MAIM**

 Erwin Abu Hasan  
 erwin@aim.gov.my

Edisi 5 Oktober 2020 - 11 Oktober 2020 | 17 Safar 1442H - 23 Safar 1442H

Melakahariini @ Melaka TV



**PEMBUDAYAAN pengurusan kewangan yang lebih berhemah sering ditekankan kepada pegawai dan kakitangan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bagi memastikan perbelanjaan kewangan dapat dipraktikan dengan lebih berkesan. Pegawai Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) cawangan Melaka, Romzi Bakar menyampaikan taklimat dan khidmat nasihat kepada sebahagian kakitangan MAIM.**



**SETIAUSAHA MAIM**, Muhammad Ikram Ibrahim hadir dan bergambar bersama peserta Bengkel Analisis Data Penebusan Tanah Pusaka Baitulmal yang telah diadakan baru-baru ini. Penambahbaikan dalam proses kerja berkaitan penebusan harta pusaka menjadi keutamaan dalam memastikan ia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di masa akan datang.



**Ke Manakah Wakaf Anda?**

**Jom Berwakaf**  
Wakaf Tunai Melaka

**Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja**

Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan

Pembangunan Hartanah Wakaf

Pembaikan Hartanah Wakaf

**Kaedah bayaran #1**  
**MELALUI POTONGAN GAJI SECARA BULANAN**

**Kaedah bayaran #2**  
**Download APPS e-WALLET BOOST**

**Kaedah bayaran #3**  
**Bayar di Kaunter Wakaf MAIM**

**Kaedah bayaran #4**  
**MELALUI AKAUN BANK BANK ISLAM (MAIM)**  
04015010 0174 34

**Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809**



# Taat dan patuhi rukun Islam

**Erwin Abu Hasan**  
[erwin@maim.gov.my](mailto:erwin@maim.gov.my)

TERDAPAT suatu fenomena di kalangan umat Islam yang mengambil ringan terhadap kerukunan Islam yang lima. Mereka menumpukan suatu rukun Islam, dalam pada masa yang sama mereka pula meninggalkan rukun yang lain. Sedangkan kerukunan ibadah dalam Islam itu haruslah ianya bersifat konsisten, ikhlas dan perlu mempunyai elemen dan nilai penyerahan kepada Allah SWT, barulah rukun itu boleh dikatakan sempurna bagi seseorang muslim itu.

Ada sesetengah muslim, hanya mementingkan solatnya sedangkan dalam pada masa yang sama mereka ini enggan untuk mengeluarkan zakat. Sedangkan seruan terhadap berzakat itu boleh dikatakan bernilai setara dengan solat. Hampir setiap kali apabila Al-Quran menyebutkan tentang solat, maka akan digandingkan dengannya perintah berzakat. Ini berlaku sebanyak 28 kali sebutan di dalam Al-Quran dan ianya dilihat sebagai satu mesej penting tuhan kepada manusia. Seperti mana firman Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah ayat 43:

Yang bermaksud: "Dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat dan rukuklah bersama-sama mereka yang Ruku"

Solat dan zakat adalah sesuatu yang mempunyai perkaitan yang rapat. Ianya seperti menyempurnakan iman apabila melakukan ibadah yang bersifat *badani* (ibadat yang dilaksanakan dengan tubuh badan), dan dilengkapkan dengan ibadah *maaliah* (ibadah yang dilaksanakan dengan membelanjakan harta). Iman itu tidak cukup sekadar dengan lidah, dengan hati serta menyempurnakan ibadah dengan tubuh badan, akan tetapi ianya juga bermaksud mengeluarkan dan membelanjakan harta ke jalan Allah demi menegakkan agamanya.

Orang yang hanya solat dan tak mengeluarkan zakat adalah mereka yang belum sempurnakan imannya. Mereka sekadar merasakan hanya orang yang kaya raya dan mempunyai lebihan harta sahaja wajib berzakat. Akan tetapi mereka ini tidak sedar

bahawa, mereka sendiri tidak pernah mentaksir atau menghitung pendapatan dan harta yang dimiliki sama ada sudah melepas nisab dan haul atau tidak. Akhirnya mereka kekal leka tidak berzakat dan berasa cukup dengan amalan sedia ada sedangkan pada masa yang sama mereka ini telah berdosa tidak mengembalikan harta kepada mereka yang berhak sedangkan kewajipan itu telahpun terbeban ke atas diri mereka.

Sebahagian mereka yang lain pula hanya mementingkan ibadah puasa sahaja. Kerana itu agak sukar kita menemukan mereka yang makan di khayal ramai di bulan Ramadan. Akan tetapi mereka ini pula meninggalkan solat pada sepanjang masa. Terdapat juga di kalangan mereka ini selama hidup tidak pernah membongkok untuk rukuk dan sujud menuaikan solat. Sedangkan solat itu adalah asas dan tiang kepada agama dan perlu dilakukan oleh setiap muslim tidak kira dalam apa jua keadaan sama ada sihat atau sakit, menetap di suatu tempat atau bermusafir dan tetap diwajibkan juga di kala aman atau perang.

Ada juga di kalangan umat Islam yang tidak menghiraukan soal tanggungjawab melaksanakan haji. Pada hemat mereka, haji itu hanya dilakukan apabila sudah usia tua sahaja. Ada dikalangan mereka yang sudah mempunyai wang yang cukup untuk melaksanakan haji. Mereka cenderung untuk melancang atau membelanjakan harta mereka hanya untuk memenuhi kepuasan diri dan nafsu. Sedangkan walaupun mereka ini solat dan zakat, haji itu telah terbeban sebagai wajib apabila cukup syaratnya, mereka tidak pergi menuaikannya. Ada pula yang tidak langsung memperuntukkan sebahagian kecil dari pendapatannya untuk rancangan mengerjakan haji. Itu adalah lebih baik, malahan adalah wajib untuk kita memperuntukkan sebahagian harta pendapatan yang diperolehi untuk disimpan sebagai bekalan menuaikan haji, walaupun usia kita masih muda.

Ini adalah sebahagian sikap umat ini pada hari ini. Ianya perlu dirawat dan diperbaiki agar sikap-sikap yang membawa kepada keruntuhan rukun Islam ini tidak berlaku dan kita mahukan muslim yang

mempunyai pegangan yang kuat dalam beragama dan rukun Islam adalah titik tolak untuk kita menuju ke arah muslim yang mengambil berat akan agamanya.

Sebarang pertanyaan, permasalahan dan pengiraan zakat bolehlah menghubungi di talian 06-2812441/42/43 ZAKAT MELAKA atau melayari laman web .



# KULIAH MAGHRIB MAULIDUR RASUL

PERINGKAT ALOR GAJAH BIL.2 TAHUN 1442H/2020M



SEMUA MUSLIMIN &  
MUSLIMAT DIJEMPUT HADIR

8 OKT 2020, KHAMIS  
SELEPAS MAGHRIB

bertempat di  
**MASJID AL-IHSAN, TEBONG**  
**ALOR GAJAH, MELAKA**

Anjuran : Pejabat Agama Islam Daerah Alor Gajah (JAIM), MAIM Dan JK Masjid Al-Ihsan Tebong, Alor Gajah, Melaka



14

**Mimbar MAIM**

 Erwin Abu Hasan  
 erwin@maim.gov.my


Edisi 5 Oktober 2020 - 11 Oktober 2020 | 17 Safar 1442H - 23 Safar 1442H

Melakahariini @ Melaka TV

**DELEGASI Ahli Lembaga Pengarah Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang diteraju Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali telah mengadakan kunjungan hormat ke hadapan Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Mohd Rustam di pejabat beliau baru-baru ini. Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr. Hasim Hasan dan Mufti Negeri, Datuk Wira Haji Abdul Halim Tawil.**



## Skim Bantuan Zakat Bulanan Sehingga Ogos 2020





Ruziah Ali

Masdzarif Mahat

**MANUSIA** merupakan makhluk ciptaan Allah yang terbaik dan tercantik berbanding makhluk ciptaanNya yang lain (al-Tin 95:4).

Kewujudan manusia di atas muka bumi ini bukanlah sia-sia, sebaliknya manusia telah diciptakan untuk suatu misi yang sangat besar iaitu untuk menyembah Allah (al-Dzariyat 51:56), dan dalam masa yang sama memegang tanggungjawab sebagai khalifah Allah di bumi (al-Baqarah 2:30) serta memakmurkan alam (Hud 11:61).

Kewujudan dan perkembangan sebuah organisasi yang didasari dengan nilai dan budaya yang tepat mampu membawa perubahan bukan sahaja kepada warga dan organisasinya, bahkan kepada masyarakat dan segala jaringan sosialnya.

Acuan nilai dan budaya pula terhasil dari pandangan alam terhadap dimensi kehidupan manusia, realiti dan ke-

**“ Sesungguhnya kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihatnya, walaupun kamu tidak melihatnya akan tetapi Allah SWT melihat kamu ”**

-Sabda Rasulullah yang diriwayatkan oleh Bukhari & Muslim

naran tentang segala hal kewujudan yang berpaksikan fitrah insan.

Pandangan alam yang menyimpang daripada asas fitrah diri manusia akan menyebabkan kepada masalah “kekeliruan akal dan kesesatan kalbu” (Al-Attas, 2014) yang mengundang kepada kitaran merudum terhadap sistem nilai dan ketamadunan manusia.

Meletakan ihsan sebagai dasar teras pembangunan dan pengurusan sumber manusia adalah hal yang sangat tepat, kerana ianya terbina di atas asas fitrah manusia yang diciptakan di atas muka bumi ini.

Ihsan bukan hanya akan melahirkan manusia yang berintegriti dan kompeten bahkan, lebih utama jiwa mereka berada dalam kesedaran Ketuhanan atau “God-Consciousness” yang tinggi.

Kesedaran Ketuhanan ini akan mengawal manusia agar sentiasa berada dalam kemakrufan dengan menjadikan amanah, ikhlas, tulus, telus dan adil sebagai asas dalam segala pekerjaan dan tindakan mereka (Sidek Baba, 2012).

Merujuk kepada Ilmuwan barat seperti W. Montgomery Watt, Marshall G.S Hodgson dan John Obert Voll, para ilmuwan ini menyimpulkan, umat Islam gigih dan berdaya saing kerana mereka memiliki kesedaran terhadap misi ketuhanan.

Kesahihannya dapat dilihat dimana nilai-nilai ketuhanan (Taqwa/Ihsan) dipraktikkan dan telah mewarnai perjalanan peradaban manusia. Ini men-

# Ihsan merekayasa masyarakat dalam organisasi

jadikan mereka sangat bermotivasi, positif, proaktif dan kreatif dalam melakukan peranan-peranan sosial sepanjang sejarah.

## IMPAK IHSAN (INTEGRITI) KEPADA ORGANISASI

Definisi Ihsan dalam Islam membawa pengertian seseorang yang menyembah Allah SWT seolah-olah ia melihat-Nya, dan jika ia tidak mampu merasakan begitu, maka orang tersebut perlu merasakan bahawa sesungguhnya Allah SWT melihat perbuatannya.

Sabda Rasulullah yang diriwayatkan oleh Bukhari & Muslim “Apakah itu Ihsan lalu Baginda menjawab:Sesungguhnya kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihatnya, walaupun kamu tidak melihatnya akan tetapi Allah SWT melihat kamu” Nilai ihsan seseorang boleh dilihat daripada aktiviti kehidupannya dan cara berurusan sesama manusia, persekitaran, pekerjaan,keluarga dan bahkan terhadap dirinya sendiri.

Allah SWT telah menciptakan dan melakukan sesuatu tindakan secara penuh Ihsan iaitu dengan sebaik-baiknya tanpa kecacatan berdasarkan kepada kuasa-Nya yang mutlak dan hikmah-Nya yang tiada batasan.

Oleh itu, jelas menunjukkan bahwa nilai Ihsan ini amat dititik beratkan oleh Pencipta dan rasul-Nya agar setiap umat menjadikan nilai kualiti Ihsan sebagai budaya yang sebat dalam diri terutamanya semasa melaksanakan sesuatu amalan pengurusan sama ada dalam organisasi, masyarakat mahupun berkeluarga, (Hasan et.al,2011).

Impak kejatuhan ihsan kepada organisasi pada hari ini dapat dilihat dengan kehaksan nilai dalam masyarakat dengan wujudnya jenayah kolar putih, gejala sosial, rasuah, diskriminasi,penindasan dan penyalahgunaan kuasa (Mustafar Ali, 2004, M.Kamal Hasan, 2004).

Kepincangan ini berlaku akibat manusia zaman kini dipengaruhi oleh unsur materialistik dan mengabaikan nilai agama (M. Kamal Hasan, 2004).

Di sebalik peningkatan dalam kualiti dan produktiviti organisasi awam maupun swasta, ramai pekerja menerima kesan buruk dalam kehidupan peribadi mereka.

## IMPAK AKHLAK KEPADA ORGANISASI

Definisi Akhlak dalam Islam membawa pengertian suatu himpunan sifat-sifat murni yang bertapak kukuh di dalam diri, dananya menjadi neraca pertimbangan baik atau buruk sesuatu amalan dan perbuatan tersebut (Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali).

Semua agama yang ada di dunia ini menetapkan bahawa akhlak adalah komponen yang utama. Walau bagaimanapun, Islam memiliki asas akhlaknya dan asas tamadunnya yang tersendiri melalui Rasulullah SAW. Akhlak adalah sebagai mercu tanda,berjaya atau tidaknya pembentukan sumber manusia sebuah organisasi bergantung kepada akhlak insan dalam melaksanakan proses kemajuan

dan pembangunan organisasi.Tanpa akhlak, nescaya insan akan berada di lembah kehinaan biarpun kejayaan material yang dicapai sangat menakjubkan.

## IMPAK BERKAT KEPADA ORGANISASI

Definisi Berkat dalam Islam membawa pengertian kurnia atau rahmat yang mendatangkan kebaikan kepada kehidupan manusia. Tanda keberkatan itu akan merubah jiwa seseorang ke arah yang lebih baik. Ramai yang berkeinginan untuk membuat kebaikan tetapi ianya bukan mudah untuk dilakukan.

Ini adalah kerana kurangnya dorongan dalaman (jiwa) dan kurangnya kebergantungan manusia kepada Tuhan. Aspek keberkatan berkait rapat dengan kebahagiaan jiwa seseorang.

Insan yang bekerja di organisasi perlu mencari keberkatan, bukan sahaja sekadar memperolehi rezeki dan ganjaran tetapi juga perlu memperolehi ketenangan hasil dari penyerahan dan kebergantungan jiwa mereka kepada Tuhan. Puncak keberkatan di dalam diri insan adalah untuk mendapat ketenangan dan kebahagiaan dalaman (jiwa) yang hakiki seterusnya memberi kesan kepada kehidupan, keluarga, dan masyarakat setempat.

## STRATEGI DAN KAEDAH PEMBINAAN AKHLAK DI DALAM SUMBER MANUSIA

Tunjang kekuatan individu ialah bergantung kepada pegangan kepercayaan dan keyakinan akan apa yang diyakininya iaitu kecelikan ihsan yang akan melahirkan sifat mulia berserta integriti yang tinggi.

Manakala asas ketinggian akhlak seseorang adalah melalui keyakinan dan kepercayaan yang berpaksikan kepada aspek ketuhanan. Melahirkan mentor yang berakhlak juga penting kerana mentor berperanan membimbing rakan-rakan atau staf lain. Proses pendidikan pembentukan akhlak kepada rakan-rakan lain adalah proses berterusan dan tidak terputus. Bermula daripada unit yang kecil iaitu individu itu sendiri, nilai yang baik ini akan merebak kepada bahagian/jabatan/ptj kepada organisasi.

## PERCAMPBAN NUKLEUS ASAS INI AKAN MELAHIRKAN RAMAI ‘ROLE MODEL’ LAIN DALAM UNIVERSITI.

Proses penerapan budaya membimbing berlaku setiap hari dalam pekerjaan. Segala permasalahan akan mendapat rujukan dan penyelesaian dengan cepat, penyakit tidak menjadi barah dan merosakkan organisasi.

Hasilnya, muafakat kekeluargaan terbentuk yang berlandaskan kasih sayang dan kebersamaan dan dari situ bermula satu ekosistem yang harmoni dalam organisasi. Inilah impian dan penanda aras yang harus diletakkan oleh sebuah organisasi agar mencetuskan satu institusi ilmu yang memiliki peradaban yang tinggi dan terkemuka di dunia.

Permulaan pembentukan nilai ihsan yang akan menjamin pelaksanaan hak-hak Allah SWT, hak organisasi, pekerja,

Impak kejatuhan ihsan kepada organisasi pada hari ini dapat dilihat dengan kehaksan nilai dalam masyarakat dengan wujudnya jenayah kolar putih, gejala sosial, rasuah, diskriminasi,penindasan dan penyalahgunaan kuasa

-(Mustafar Ali, 2004, M.Kamal Hasan, 2004)

masyarakat umum dan alam sekitar.

Oleh itu, kesan besar membudayakan Ihsan dalam pengurusan ialah akan meningkatkan hubungan manusia dengan Allah SWT,membawa rahmat persaudaraan antara majikan dengan pekerja,pekerja dengan keluarga, pekerja sesama pekerja, pekerja dengan masyarakat, kasih sayang manusia dengan haiwan dan kasih sayang manusia dengan alam sekitar.

## PENGHASILAN 3 KOMPONEN PEMBENTUKAN INSAN INI PERLU DISERTAI DENGAN STRATEGI DAN KAEDAH PEMBINAAN AKHLAK YANG MENCAKUPI SEMUA ASPEK KEHIDUPAN.

Dengan adanya strategi dan kaedah pembinaan ini, ia akan menghasilkan insan yang mempunyai nilai integriti yang tinggi, bersatu hati dan mempunyai dedikasi serta azam yang kuat dalam memajukan sebuah organisasi, seterusnya menghidupkan ekosistem yang harmoni dan penuh dengan keberkatan.

Pembentukan insan yang holistik dan cemerlang telah digambarkan berdasarkan ayat 2, Surah Al Jumu'ah, yang menjelaskan kesempurnaan perjalanan sirah Rasulluah SAW.

“Dialah Yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) Yang Ummiyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW ) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah swt (yang membuktikan keesaan Allah SWT dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad Yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah swt (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan Yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak) dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad SAW ) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.”

Ihsan, Akhlak dan Berkat merupakan komponen utama di dalam pelaksanaan sebuah organisasi dan sebagai pelengkap serta memberi impak sebenar kepada pembangunan potensi diri manusia. Penekanan terhadap teras ini sebenarnya adalah kunci kepada penghasilan sumber manusia yang berakhlak dalam mencungkil potensi sebenar kecemerlangan insan yang berpaksikan kepada pemandangan alam yang benar.

**PENULIS** Masdzarif Mahat merupakan Ketua Pegawai Operasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) manakala Ruziah Ali adalah Pegawai Penerbitan Kanan Pejabat Ketua Pegawai Maklumat UTeM.



16 Mhi

Edisi 5 Oktober - 11 Oktober 2020 | 17 Safar 1442H-23 Safar 1442H

Melakahariini @ Melaka TV

# JAWATAN KOSONG

## JABATAN TENAGA KERJA NEGERI MELAKA



### JAWATAN : EKSEKUTIF KEWANGAN

Nombor Rujukan: (2020-1-2-753311)

**Nama syarikat :**

HANIM BINTI HAJI RAFFIE

**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka**Tugasan :** Menguruskan perolehan dan pembayaran, mengawal peruntukan, meluluskan pemindahan imbuhan, meluluskan permohonan.

### JAWATAN : EKSEKUTIF KONTRAK

Nombor Rujukan: (2020-1-2-753315)

**Nama syarikat :**

HANIM BINTI HAJI RAFFIE

**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka**Tugasan :** Menetapkan dan menyelia prosedur operasidan pentadbiran; mengawasi aplikasi keselamatan kerja dan prosedur berkaitan; danmeningkatkan kefahaman.

### JAWATAN : EKSEKUTIF JUALAN

Nombor Rujukan: (2020-1-2-753312)

**Nama syarikat :**

TORICO SDN. BHD.

**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka**Tugasan :** Sales executives develop and coordinate advertising strategies and campaigns as well as create market opportunities for new, or existing products.

### JAWATAN : OPERATOR MESIN

Nombor Rujukan: (2020-1-8-753313)

**Nama syarikat :**

ALLIED PRECISION TECHNOLOGIES (M) SDN.BHD.

**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka**Tugasan :** Menjalankan mesin stamping

### JAWATAN : KERANI PEJABAT

Nombor Rujukan: (2020-1-4-753263)

**Nama syarikat :**

SHAM PEST CONTROL SDN BHD

**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka**Tugasan :** Kerani Am Pejabat melaksanakan pelbagai tugas perkeranian dan pentadbiran menurut prosedur yang ditetapkan penjadualan, lawatan tapak, menghadiri.

### JAWATAN : PEMANDU LORI

Nombor Rujukan: (2020-1-8-753177)

**Nama syarikat :**

GUAN SENG STEEL SDN BHD

**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka**Tugasan :** Pemandu Lori 5 meter (RM1,200) Jawatan pemandu Lori 10 meter tan (RM1,600).

### JAWATAN : PEMBANTU FRONT OFFICE

NomborRujukan: (2020-1-4-753226)

**Nama syarikat :**

SWEET MEMORIES HOTEL SDN BHD

**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka**Tugasan :** Melayani tetamu yang datang ke hotel dengan sopan santun serta berbudi bahasa. Memastikan kerja teratur dan berdisiplin.

### JAWATAN : PEMBANTU PENGAWAL DOKUMEN

Nombor Rujukan: (2020-1-2-753233)

**Nama syarikat :**

BENAJAYA SDN BHD

**Lokasi :** Alor gajah - Melaka**Tugasan :** To maintain detailed records of Company licenses like Sijil Kementerian Kewangan (MOF) and Vendor TNB.

### JAWATAN : PENASIHAT KEWANGAN PELABURAN

Nombor Rujukan: (2020-1-2-753491)

**Nama syarikat :**

MUHAMAD KHAIROL ANUAR BIN MUHAMAD KAMALIK

**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka**Tugasan :** Membangunkan rancangan kewangan untuk individu dan organisasi dan melabur serta menguruskan dana; menemuduga pelanggan untuk menentukan status.

### JAWATAN : KERANI DOKUMEN

Nombor Rujukan: (2020-1-4-753092)

**Nama syarikat :**

NOR ZAFRINI BINTI MOHAMED ZAIN

**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka**Tugasan :** Kerani Pemfailan dan Penyalinan memfailkan surat-menyurat, kad, invois, resit dan rekod lain menurut tertib abjad atau angka, atau menurut sistem.

### JAWATAN : KERANI JUALAN

Nombor Rujukan: (2020-1-4-753047)

**Nama syarikat :**

GUAN SENG STEEL SDN BHD

**Lokasi :** Melaka Tengah - Melaka**Tugasan :** This unit group covers Clerical Support Workers Not Elsewhere Classified in Minor Group 441: Other Clerical Support Workers.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:  
**JABATAN TENAGA KERJA NEGERI MELAKA**  
**06-2345173 / 75**



Edisi 5 Oktober 2020 - 11 Oktober 2020 | 17 Safar 1442H - 23 Safar 1442H

Melakahariini @ f Melaka TV

Mhi (17)

*Setinggi-tinggi*  
**Tahniah**  
*Kepada*



**YAB Datuk Seri Utama (Dr.)  
 Haji Sulaiman Bin Md. Ali**

*Ketua Menteri Melaka*

*Atas*

**Penganugerahan Ijazah Kehormat  
 Doktor Falsafah Pengurusan**

*Setulus Ikhlas daripada*

Warga Kerja QEW GROUP BHD



QEWSGROUPBHD

ENLARGING WORLD ENDEAVOUR

GROUP OF COMPANIES

QEWCLOUDS BHD.



QEWAUDZ NETWORKS



QEWTHECHS BHD.



QEWTALENT DEVELOPMENT PLT



FORMERLY KNOWN AS BIZARREKA (M) SDN BHD



QEWMEDIA PLT



LIGHTRAYS (M) SDN. BHD.



UPKL PRESS SDN BHD



ZILL LEGACY SDN BHD



PERFECT PLANNING SDN. BHD.

[www.qew.com.my](http://www.qew.com.my)



18 Mhi

Edisi 5 Oktober 2020 - 11 Oktober 2020 | 17 Safar 1442H - 23 Safar 1442H

Melakahariini @ Melaka TV

**plaza  
BESTARI**

- CCC telah diperolehi dan sedia diduduki
- Berada di hub perniagaan utama di dalam Bandar Baru Jasin Bestari
- Berhadapan dengan Pasaraya Hyper Mydin
- Rekabentuk kedai yang moden dan praktik, unik dengan konsep arked berkoriidor di tingkat atas
- Juga ada kedai berkembar berfungsi serbaguna bagi pelbagai jenis kegunaan dan perniagaan
- Lokasi strategik yang menjadi tumpuan dan tadahan populasi bandar baru di koridor pembangunan Bemban-Jasin
- Dikelilingi infrastruktur yang serba lengkap dan boleh dicapai melalui jaringan jalanraya dan jalan keluar masuk yang mudah
- Diiringi pemandangan tasik tadahan yang menarik dan serasi untuk aktiviti perniagaan restoran dan hiburan

**PETA LOKASI**

**Siap Dengan CCC**

**Kedai Pejabat 3 Tingkat  
22'X70'** (Hak Milik Strata)

**Kedai Pejabat 2 Tingkat  
29'X55'** (Hak Milik Individu)

**Kedai Pejabat Jenis A  
22'X99'** (Hak Milik Strata)

**Kadar Bistari Sdn Bhd** (947777-A)  
No. 2-1, Tingkat 2, Jalanm Cheng Perdana 1/1A. Taman Desa Cheng Perdana, 75260 Melaka

06-312 33 22 011-5500 8286

**Taman  
Cheng  
Setia**

*Menikmati keselesaan  
kediaman, alam nyaman dan  
kejiranan serba lengkap*

**RUMAH TERES 2 TINGKAT**  
Jenis A - 22'X70'  
(4 Bilik Tidur + 4 Bilik Air)

**RUMAH TERES 2 TINGKAT**  
Jenis B - 22'X65'  
(4 Bilik Tidur + 4 Bilik Air)

**RUMAH BERKEMBAR  
2 TINGKAT**  
40'X80'  
(4 Bilik Tidur + 5 Bilik Air)

**Sila Hubungi :**  
**HAK MILIK KEKAL**  
**06-312 3322**  
**011-5500 8286**

**AHLI REHDA**

**Taman  
Cheng  
Setia**

**Pemaju:**  
**GRANDHOME DEVELOPMENT SDN BHD** (No. Syarikat : 946201-T)  
(No. 2-1, Tingkat 2, Jalan Cheng Perdana 1/1A, Taman Desa Cheng Perdana, 75260 Melaka  
Fax : 06-312 4323 | Email: grandhomedevelop@yahoo.com.my

\*No.Lesen Perumahan: 12138-5/05-2021/0401 (L). Tempoh Sah:02/05/2019 hingga 01/05/2021.  
No Permit Iklan & Jualan: 12138-5/05/2021/0401(P). \*Tempoh Sah: 02/05/2019 hingga 01/05/2021.  
Pegangan Tanah : Hakmilik Kekal \*Tarikh Jangka Siap: Mei 2021 siap. Bebanan Tanah: Tiada. Pelan Diluluskan : Majlis Bandaraya Melaka  
Bersejarah (Ruj: MBMB/JKB 03027-08-2018) \*Jenis Rumah: Rumah Teres 2Tingkat Jenis A- Bilangan 34 unit. Harga (min) RM435,000  
Harga (mak) RM596,000. Rumah Teres 2 Tingkat Jenis B - Bilangan 24 unit: Harga (min) RM397,000 Harga (mak) RM489,000, Rumah  
Berkembar 2 Tingkat - Bilangan 10 unit : Harga (min) RM576,000, Harga (mak) RM668,000.  
IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

GPS Lokasi: 2.281379, 102.203090



# Masjid tertua di Malaysia sebenarnya di Melaka?

Faiz Hasan

BAYANGKAN betapa sakit dan sedih mata memandang apabila warisan khazanah negara dibiarkan begitu sahaja, malah semakin menghitung hari menyembah bumi.

Itulah yang boleh digambar-kan sebuah masjid yang diumpamakan sebagai permata berharga di negeri ini terletak di Kampung Belimbing Dalam, Durian Tunggal 'berdiri' dengan binaan batu laterit yang didakwa dibina sekitar abad ke-17.

Binaan yang kini hanya tinggal 70 peratus sahaja itu memperlihatkan setiap struktur batu, tiang, dinding mahupun lantai diperbuat daripada batu laterit berwarna merah dipercayai dibina masyarakat yang membuka penempatan di kawasan berke-naan suatu ketika dahulu.

Pemangku Pengarah Institut Alam Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli ber-kata, penggunaan batu laterit yang dilihat berkemungkinan dibentukkan dalam acuan kiub meng-gambarkan masjid yang dibina berhampiran sungai itu telah wujud sebelum kedatangan penjajah Por-tugis mahupun Belanda malah ber-kemungkinan lebih awal lagi dari abad itu.

Jelasnya, setiap elemen yang digunakan termasuk jubin lantai dan atap genting pula diperbuat daripada tanah liat masih kekal hingga kini sekali gus menunjukkan kehebatan teknologi dan ketamadunan pendidikan mas-yarakat pada zaman dahulu.

"Seni bina asal dan elemen yang diguna pakai dalam pembinaan masjid ini berkemungkinan menjadikan ia masjid tertua di Malaysia yang mungkin juga telah wujud lebih awal lagi sekitar abad 15 hingga 16 iaitu pada



**MASJID lama Kampung Belimbing Dalam didakwa dibina seawal abad ke-15, sekali gus menjadikan ia masjid tertua negara ini.**

zaman Kesultanan Melayu Melaka.

"Kajian lanjut dengan meng-gunakan kaedah ekskavasi dan dilapidasi perlu dijalankan diikuti proses pemuliharaan monumen supaya bahan kajian yang mempunyai nilai sejarah tersendiri ini tidak terbiar dan tenggelam pada arus zaman.

"Sebagai ahli arkeologi kita perlu buktikan ia dengan kajian dan mungkin juga bangunan ini pernah dilakukan penambaha-nan dan pembesaran dengan tambahan binaan lain.

"Kajian yang dilakukan termasuk menghantar sampel batu laterit serta pelbagai elemen lain akan dihantar ke Amerika Syarikat (AS) menggunakan kaedah 'carbon dating' perlu dilaksanakan sebaik mungkin bagi mendapatkan pentarikhkan batu laterit yang lebih tepat mengikut piawai dunia," katanya.

Zulkifli berkata, binaan batu laterit itu juga sama seperti binaan tembok Kota A'Famosa yang digunakan dari runtuhannya

Kota Melaka suatu ketika dahulu bagaimanapun ramai yang tidak bersetuju dengan pemahaman sejarah itu.

"Walaupun ramai tidak setuju A'Famosa dibina dengan batu laterit tapi kita ada bukti tembok A'Famosa dibina atas runtuhannya Kota Melaka.

"Kita mencadangkan pihak berkepentingan seperti kerajaan negeri agar dapat bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk merealisasikan proses pemuliharaan masjid ini.

"Kita mungkin mencadangkan agar proses pemuliharaan ini dilaksanakan dengan pemindahan bangunan ini ke lokasi yang bersesuaian agar masjid lama ini tidak terbiar.

"Selain itu kita tidak mahu apabila setelah kita membuat kajian dan baik pulih semula, masjid ini menjadi terbiar," katanya.

Pada masa sama, Pengasas Maktab Penyelidikan Tamadun Melayu dan Islam Hasanuddin Yusof berkata, binaan batu laterit

seperti itu kebanyakannya meng-gunakan elemen sama seperti beberapa bangunan bersejarah yang bukan sahaja di negara ini, namun di beberapa negara di dalam nusantara ini.

Jelasnya, penggunaan batu laterit sama seperti pembinaan Perigi Hang Tuah di Duyong dan beberapa masjid lain di Nusantara, Selatan Thailand, Myanmar yang turut mempunyai ciri-ciri sama membuktikan kegemilangan agama Islam telah tersebar luas ketika itu.

Lebih menarik, di masjid berke-nungan masjid ini dikatakan lebih tertua berbanding Masjid Kampung Laut, Tumpat, Kelantan yang banyak menggunakan elemen perkayuan yang sebelum ini diiktiraf sebagai masjid tertua di Malaysia.

"Kita harap peninggalan se-jarah ini perlu diselamatkan dengan langkah pemuliharaan dengan kerjasama menyeluruh dari semua pihak bagi memastikan ia dikenalkan buat generasi akan datang agar terselamat dari kebenaran sejarah negara.

**IKON pelancongan Melaka era 90-an, kereta lembu bakal diperkenalkan kembali di perkarangan Zoo Melaka. FOTO: Internet**



## Kereta lembu kembali ke Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BAGAI kembali ke era kegemilangan pelancongan Melaka dulu-dulu. Mungkin itu yang dapat disimpulkan mengenai tarikan terbaharu yang cuba diperkenalkan kembali ke bumi bersejarah iaitu kereta lembu.

Jika dahulu, orang awam dapat menikmati keseronokan menaiki kereta lembu di Banda Hilir, kini, keseronokan yang sama dapat dirasai kembali apabila Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bersetuju memperkenalkan kembali tarikan kereta lembu di Zoo Melaka.

Menurut Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Shadan Othman, buat masa ini pihaknya sedang meneliti segala aspek untuk tarikan baharu yang akan diperkenalkan di luar perkarangan zoo itu.

Jelasnya, ia termasuklah mengenal-

pasti serta meneliti pengusaha kereta lembu yang ber-sesuaian untuk tarikan tersebut.

"Tarikan kereta lembu ini akan diperkenalkan se-mula sebagaimana diputuskan melalui MMKN, baru-baru ini."

"Berapa banyak kereta lembu yang akan tempatkan nanti pun kita belum putuskan. Buat masa ini kita memberi fokus kepada mencari pengusaha kereta lembu yang bersesuaian," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Shadan membayangkan tarikan kereta lembu dijangka boleh beroperasi bermula awal tahun depan sekali gus menjadi satu lagi produk pelancongan baharu di Negeri Melaka.

"Apabila ia direalisasikan, insyaAllah ia akan mengembalikan tarikan yang pernah popular suatu ketika dahulu di Banda Hilir."

"Sama seperti dahulu, jika orang yang berminat untuk menaiki kereta lembu, bolehlah menaikinya dengan bayaran tertentu seperti dulu-dulu," ujarnya.



# IKTBN Alor Gajah harumkan nama Melaka

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

AYER KEROH - Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Alor Gajah berjaya mengharumkan nama Melaka apabila memenangi dua pingat emas dan satu perak dalam Pertandingan Reka Cipta Dan Inovasi (Innovation Development Through Educational Activities-iDEA) 2020 (iDEA2020), baru-baru ini.

Dalam pertandingan anjuran Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) itu, IKTBN Alor Gajah telah menghantar tiga penyertaan dalam kategori Teknologi Makanan (video), Teknologi Hijau (poster) menerusi Rohaya Adam bersama pelajar Bahagian Penyajian yang menghasilkan projek WasQof (Penyerap Bau Organik Beraroma).

Manakala projek Fundamental Electrical Power System Trainer hasil ciptaan pengajar Mohd Kamal Kamarol Awal serta pelajar Bahagian Penjaga Jentera Elektrik pula memenangi pingat perak bagi kategori Elektronik & Elektrik dalam pertandingan itu.

Hasilnya, video BB Vine Strip iaitu inovasi berdasarkan bunga telang sebagai bahan pewarna makanan

Tidak hanya itu, satu lagi pingat emas berjaya diraih dalam kategori Teknologi Hijau (poster) menerusi Rohaya Adam bersama pelajar Bahagian Penyajian yang menghasilkan projek WasQof (Penyerap Bau Organik Beraroma).

Manakala projek Fundamental Electrical Power System Trainer hasil ciptaan pengajar Mohd Kamal Kamarol Awal serta pelajar Bahagian Penjaga Jentera Elektrik pula memenangi pingat perak bagi kategori Elektronik & Elektrik dalam pertandingan itu.

Pengumuman pemenang pertandingan tersebut



**PENGARAH IKTBN Alor Gajah Syamsul Tahrin Mohd Tahir bersama pegawai menyaksikan pengumuman secara langsung keputusan pertandingan iDEA2020 di Bilik Mesyuarat IKTBN Alor Gajah**

yang dihasilkan oleh pengajar, Siti Zubaidah Bakri bersama pelajar Bahagian Roti telah dipilih sebagai pemenang pingat emas bagi kategori video dalam Teknologi Makanan.

Untuk rekod, iDEA-

2020 merupakan satu pertandingan inovasi dan reka cipta yang dibahagikan kepada enam bidang iaitu Teknologi Kejuruteraan Mekanikal, Teknologi Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Telekomunikasi, Teknologi Kejuruteraan

Awam, Alam Sekitar & Tenaga Boleh Diperbaharui, Teknologi Kejuruteraan Komputer, Teknologi Makanan dan Teknologi Rekaan Fabrik.

Pertandingan yang berlangsung secara atas talian tahun ini telah diser-

tai oleh kesemua 21 Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) di bawah KBS yang menghantar penyertaan inovasi dan reka cipta masing-masing dalam dua kategori yang dipertandingkan iaitu poster dan video.

## Khidmat sosial PLH UTeM dekati warga sekolah



DURIAN TUNGGAL - Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melaksanakan program khidmat masyarakat dan kongsi kepakaran bersama Pusat Sumber Sekolah (PSS) di negeri ini.

Ia melibatkan dua Pusat Sumber iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Paya Rumput dan SK Sungai Udang, baru-

baru ini.

Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Perpustakaan Laman Hikmah UTeM Azman Ayup berkata program itu mendekatkan warga PLH bersama komuniti sekitar sebagai tanggungjawab sosial.

"Ini sumbangan PLH UTeM kepada pengurusan sekolah dengan memberi khidmat nasihat dan bantuan dalam memastikan PSS dapat diuruskan secara sistematis dan efisien.

"Ia sekali gus membantu meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran

di sekolah-sekolah tersebut," katanya.

Azman berkata, pihaknya turut membantu sekolah tersebut melakukan persediaan dalam menyertai pertandingan Anugerah Pusat Sumber Cemerlang di peringkat negeri dan kebangsaan tahun ini.

"Kita juga anjurkan sesi bicara santai @ fb live mengenai kerjasama antara perpustakaan, cabaran dalam arus semasa serta teknologi dan gaya berkaitan Revolusi Industri 4.0 di peringkat pengajaran tinggi dan sekolah," katanya lagi.

## iDECON 2020 kongsi kepakaran penyelidik

**Liana Sahabudin**

DURIAN TUNGGAL - International Conference on Design and Concurrent Engineering 2020 (iDECON 2020) platform kongsi kepakaran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bersama penyelidik antarabangsa.

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim berkata, ia menerusi Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) bagi penemuan dan dapatan terkini reka bentuk dan kejuruteraan yang dihasilkan.

"Persidangan antara bangsa secara tahunan kali ke-9 ini julung kali diadakan dalam bentuk 'Virtual Conference' selaras dengan norma baharu ekoran pandemik COVID-19.

"Ini sekali gus memberi impak besar kepada kemajuan kejuruteraan di peringkat dunia," katanya.

Ujarnya, persidangan itu juga bagi menyebar maklumat penyelidikan, pencapaian dan penemuan saintifik terkini dalam bidang kejuruteraan pembuatan khususnya penyelidikan berdasarkan kejuruteraan rekabentuk pembuatan.

"Kita menggunakan platform 'Stream Yard' yang disasarkan kepada 50 pembentang kertas terdiri daripada jurutera, pengamal industri, ahli akademik, serta ramai lagi termasuk kumpulan pelajar Pasca Siswazah," katanya.

Sementara itu, Dekan FKP, Prof Dr. Zamberi Jamaludin berkata, terdapat 25 cadangan topik diberikan kepada para pembentang dalam iDECON2020.

"Ia seperti Product Innovation, Green Design & Sustainability, Sustainable Materials in Design dan pelbagai lagi. Semua kertas kerja dibentangkan akan dinilai 97 orang panel kertas kerja terdiri dari pelbagai universiti awam dan antarabangsa.

"Kertas kerja ini akan diterbitkan di jurnal akses terbuka Journal of Advanced Manufacturing Technology (JAMT), Journal of Mechanical Engineering and Sciences (JMES), Tribology, Malaysian Journal of Microscopy dan lain-lain jurnal berindeks SCOPUS," katanya.



**ANTARA aktiviti dilakukan pada program khidmat masyarakat dan kongsi kepakaran bersama Pusat Sumber Sekolah (PSS) di negeri ini melibatkan dua Pusat Sumber iaitu SK Paya Rumput dan SK Sungai Udang, baru-baru ini.**



**RAHA**



**HIDANGAN** Nasi Ayam Abang Wan yang menjadi tunjang perniagaan Shazzuan.

# Cekal tempuh jatuh bangun dalam perniagaan

**WALAUUPUN** kehilangan kerja pada akhir 2018, kemudian memulakan perniagaan kecil pada awal tahun ini dan diduga dengan pandemik COVID-19 sehingga kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lepas, ternyata dugaan terbesar buat usahawan gerai makanan, Shazzuan Shah Mohd Saleh, 33.

Ditambah pula, pada tahun 2019, dia disahkan menghidap sakit buah pinggang tahap lima ESRF.

Katanya, dia bangkit dari tempoh kepayaan tersebut dengan penuh kesabaran dan tidak sesekali mematahkan semangatnya untuk memajukan perniagaan makanan berdasarkan nasi ayam.

## HAMPIR HILANG SEMANGAT

Menyifatkan dugaan kepayaannya itu sebagai pengalaman berguna, Shazzuan akui dia hampir putus asa serta hilang semangat untuk meneruskan perniagaan kecilnya itu, namun hasil sokongan keluarga serta rakan-rakan, dia cekal menguruskan perniagaan nasi ayamnya sehingga kini.

"Pada 2019 saya disahkan hidap sakit buah pinggang tahap lima ESRF waktu lepas hilang kerja."

"Hilang semangat jatuh terduduk,



**SHAZZUAN**

tetapi Alhamdulillah pengalaman dan semangat nak belajar memasak ada. Saya bangkit perlahan-lahan hingga hari ini.

"Apapun, keluarga serta isteri tidak putus memberikan sokongan kepada saya untuk meneruskan perniagaan ini, walaupun kecil, tetapi syukur kerana dapat menampung kehidupan saya sekeluarga," katanya kepada Melaka Hari Ini.

## TIDAK LOKEK KONGSI PENGALAMAN

Menurutnya, kepayaan yang dialaminya sebelum ini berjaya membentuk dirinya menjadi seorang insan yang lebih cekal menghadapi segala cabaran mendatang.

Katanya, melalui pengalamannya itu, dia turut memberi semangat kepada individu-individu yang turut dibuang kerja sejak PKP atas faktor kemelesetan ekonomi.

"Niat saya hanya nak kongsi pengalaman jatuh bangun, sebab mesti ada rakan-rakan lain yang hilang kerja masa PKP."

"Saya tidak mahu mereka hilang arah macam saya rasa; lepas ditamatkan kontrak, disahkan hidap sakit buah pinggang.

"Dalam kehidupan ini, kita tidak akan menjadi sempurna melainkan kita sendiri menyempurnakan tindakan kita sama ada mahu maju atau tidak," jelasnya.

**MEMBAWA** jenama Nasi Ayam Abang Wan, gerai miliknya itu kini beroperasi di Monorail Food Village Jalan Tun Ali.



**“**Barang yang lepas saya jadikan ia sebagai penguat kepada semangat saya untuk lebih berjaya dalam perniagaan. Lupakan apa yang jadi, belajar bersyukur, mula dari bawah sampai sekarang **”**

buah pinggang, jawapan saya mudah sahaja iaitu, kalau dah minat memasak, semuanya jadi.

"Memang saya dari kecil minat memasak dan sehingga kini minat itu tidak pernah padam," katanya.

Pernah berkhidmat sebagai wartawan sebelum ini, untuk rekod, Shazzuan pernah merangkul Anugerah Khas Ketua Menteri Melaka dalam satu anugerah media pada tahun 2017.



**PADA** tahun 2019, Shazzuan disahkan menghidap sakit buah pinggang tahap lima ESRF dan beberapa kali menerima rawatan di hospital.



(22) Mhi

English  
Section

Edisi 5 Oktober - 11 Oktober 2020 | 17 Safar 1442H-23 Safar 1442H

Melakahariini @ Melaka TV



# Hajiji sworn in as Sabah's 16th Chief Minister

KOTA KINABALU - Sabah Perikatan Nasional chairman and Sulaman assemblyman, Datuk Seri Hajiji Noor was sworn in as Sabah's 16th Chief Minister recently.

Also taking their oath before Sabah Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin were the three Deputy Chief Ministers, namely Sabah Barisan Nasional (BN) chairman and Lamag assemblyman Datuk Seri Bung Moktar Radin, STAR president Datuk Dr Jeffrey Kitingan (Tambunan assemblyman) and Parti Bersatu Sabah (PBS) vice-president Datuk Dr Joachim Gunsalam (Kundasang assemblyman).

Bung Moktar also took his oath as Sabah Works Minister, Jeffrey (Minister of Agriculture and Fisheries) and Joachim (Minister of Industrial Development).

State Bersatu deputy chief Datuk Seri Masidi Manjun took his oath as State Minister of Local Government and Housing, while PBS secretary-general Datuk Jahid Jahim

was sworn in as State Rural Development Minister.

Also present at the ceremony were the Governor's wife Toh Puan Norlidah R.M Jasni, Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, who is also UMNO vice-president, Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, who is also Bersatu vice-president and PBS deputy president Datuk Seri Radin Malleh.

Earlier, the leaders received their letters of appointment from Juhar.

After taking their oath, they signed the appointment letters, witnessed by Kota Kinabalu High Court Judge Datuk Martin Idang, before Sabah Mufti Datuk Bungsu Aziz Jaafar recited prayers.

Gabungan Rakyat Sabah (GRS) won the 16th Sabah election recently with a simple majority to take over the state government from Warisan after winning 38 out of the total 73 state seats. - BER-NAMA



HAJIJI (left) being sworn in by Sabah Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin, recently.



**Setinggi-tinggi  
Tahniah**

Kepada

**YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman Bin Md. Ali**  
Ketua Menteri Melaka

Atas

**Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan**

Setulus Ikhlas



Yang Dipertua, Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis  
Seluruh Warga Kerja  
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya



# 'Kecewa, tapi kami akur.'



AKSI pemain wanita Melaka United meraikan kejayaan menjulang Piala Tun Sharifah Rodziah, tahun lalu.

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

"TIPULAH kalau kata kami tak kecewa, tetapi kami terpaksa akur kerana pandemik

ini (COVID-19) bukan sesatu yang boleh kita kawal".

Demikian reaksi Pengurus Pasukan Piala Tun Sharifah Rodziah Melaka United Dr Siti Faidul Mais-

arah Abdullah ketika mengulas mengenai penangguhan kejohanan berkenaan seperti yang diumumkan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) baru-baru ini.

Menurutnya, skuad bola sepak wanita Melaka sudah melakukan persiapan rapi untuk menghadapi kejohanan berkenaan, apakah lagi berbekalkan

status juara bertahan pada edisi tahun lalu. "Kalau ikutkan kita memang sudah buat persiapan rapi dari segi pemilihan pemain hingga ke sesi latihan sebab impian kita adalah untuk mengekalkan kejuaraan itu."

tuskan lagi," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas mengenai aktiviti pemain wanita Melaka United selepas keputusan itu diumumkan, Siti Faidul Maisarah berkata pemain masih menjalani latihan dan aktiviti ringan seperti biasa bagi memastikan kecerdasan mereka berada di tahap terbaik.

"Buat masa ini kita minta pemain untuk sentiasa berlatihan dan melakukan latihan sendiri. Aktiviti seperti futsal, 'walking football' dan lain-lain akan kita rangka sementara menunggu kejohanan akan datang," katanya lagi.

## Jadikan iktibar untuk perbaiki prestasi - Mirnawan

**Farah Suhaidah Othman**

KEKALAHAN skuad hoki Melaka dan kekecewaan untuk mengekalkan gelaran juara bertahan empat kali dalam saingan Piala Tun Abdul Razak 2020 perlu dijadikan iktibar untuk perbaiki pasukan pada perlawanan akan datang.

Legenda hoki negara yang kini menjawat jawatan sebagai Pengurus Hoki Kebangsaan Datuk Mirnawan Nawawi berkata, skuad itu memiliki kelebihan kerana memiliki barisan jurulatih dan pemain yang mantap.

Bagaimanapun katanya, pasukan

itu dilihat agak kurang berasas baik untuk melakar semula kejayaan pada tahun ini disebabkan beberapa pemain senior dan remaja kebangsaan cedera sebelum saingan bermula.

"Skuad hoki Melaka boleh dikatakan tiga perempat daripada pemain sangat membantu untuk meraih juara namun, tanpa kehadiran beberapa pemain kebangsaan termasuk Mohd Haizizi Zainuddin dan Mohd Faid Farhad Mohamad Shah akibat kecederaan, menjadi antara penyebab mereka tidak berjaya melangkah lebih jauh pada musim ini.

"Bagi saya, mereka harus mengambil (kehilangan) ini sebagai satu pengalaman membina dan membuat persiapan rapi untuk menghadapi edisi tahun hadapan.

"Apa yang penting mereka harus mengambil kegagalan itu sebagai satu iktibar penting untuk melakukan 'post-mortem' bagi memperbaiki kelemahan dan kekurangan," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Skuad hoki lelaki Melaka gagal mempertahankan gelaran juara selepas tewas 1-2 di tangan Pahang pada aksi suku akhir dalam saingan berkenaan.



**MIRNAWAN**

## Melaka mahu dominasi sukan Teqball

MELAKA berhasrat menjadi negeri terunggul dalam sukan Teqball dan melahirkan ramai atlet berkelas dunia dalam sukan itu.

Presiden Persatuan Teqball Melaka Dr Siti Faidul Maisarah Abdullah berkata, hasrat itu tidak mustahil untuk direalisasikan sekiranya semua yang terlibat di dalam sukan berkenaan bergerak aktif memainkan peranan bermula sekarang untuk membentuk skuad Teqball yang mantap.

Jelasnya, pihaknya kini sedang melakukan persiapan mencari pemain-pemain yang berkualiti untuk menarung jersi Melaka dalam sukan berkenaan dan pada masa sama membuka peluang kepada mereka yang berminat dan berkebolehan untuk menyertai pasukan

yang sedang dibentuk itu.

"Buat masa ini kita dah lihat profil beberapa pemain dan ada yang bakal tandatangan kontrak. Tapi kita masih lagi mencari dan membuka peluang kepada sesiapa sahaja memandangkan sukan ini ti-

da titik tamat.

"Perlu tahu, bahawa untuk mencari pemain ia tidak semudah disangka. Kita mencari mereka yang ada minat dan ada ilmu. Kalau tiada salah satu, ia tak akan jadi seperti yang diharapkan.

Sebab itulah kita lebih teliti dalam hal ini.

"Kerana sasaran kita besar. Kalau diaizinkan, kita mahu jadikan Melaka negeri nombor satu paling menyerlah dalam Teqball. Sebab persatuan ini memainkan

peranan bergerak aktif bermula dari sekarang. Saya percaya ia tidak mustahil untuk kita terhadap berbanding negeri-negeri lain," katanya.

Mengulas lanjut, Siti Faidul berkata, pihaknya juga sedang dalam usaha mempopularkan sukan Teqball kepada masyarakat khususnya pelajar di peringkat sekolah.

Untuk itu, pihak persatuan telah menjalin kerjasama bersama Persatuan Teqball Malaysia, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka serta Kementerian Belia dan Sukan bagi memberi pendekaran lanjut mengenai sukan itu kepada umum.

"Ramai sebenarnya yang tak tahu sukan ini. Orang selalu tertanya-tanya sukan ini bagaimana? Ke-

napa ia dipanggil gabungan tiga jenis sukan (sepak takraw, bola sepak dan ping pong)? Jadi, macam-macam persoalan orang ramai.

"Jadi, sukan ini sedang dipopularkan mengikut negeri dan kita di pihak persatuan negeri akan promosikannya di peringkat masyarakat dan sekolah untuk mencari pemain pelapis di Malaysia dan Melaka khususnya," ujarnya.

Tambahnya, baru-baru ini juga telah dianjurkan satu Klinik Pembangunan Sukan Teqball Peringkat Negeri Melaka 2020 berlangsung di Kompleks Belia dan Sukan Masjid Tanah melibatkan seramai 38 peserta yang bertujuan memberi pendekaran berkenaan atas permainan teqball itu sendiri.



ANAK muda Melaka diberi pendekaran dalam sukan Teqball dalam satu Klinik Pembangunan Sukan Teqball Peringkat Negeri Melaka 2020 berlangsung di Kompleks Belia dan Sukan Masjid Tanah, baru-baru ini. FOTO: JBS Melaka



*Setinggi-tinggi*  
**Tahniah**  
*Kepada*



**YAB Datuk Seri Utama (Dr.)  
Haji Sulaiman Bin Md. Ali**

*Ketua Menteri Melaka*

*Atas*

**Penganugerahan Ijazah Kehormat  
Doktor Falsafah Pengurusan**

*Setulus Ikhlas daripada*

**Far East**  
MELAKA

**Datuk Wira Ling Kah Chok  
Pengurusan Far East (Melaka) Sdn Bhd**

